



**PARLIMEN MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL KEDUA
PARLIMEN KETIGABELAS
2014**

JAWAPAN-JAWAPAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT
DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

07 APRIL 2014 – 10 APRIL 2014



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN : 07 APRIL 2014

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 5, 9 HINGGA 75)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 8
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

SOALAN NO : 5

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN
[KENINGAU]**

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

SOALAN :

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta PERDANA MENTERI menyatakan walaupun percubaan pencerobohan kedua telah berjaya dibanteras oleh pihak pasukan keselamatan sama ada pencerobohan-pencerobohan di masa akan datang boleh dibanteras dengan tindakan balas yang lebih cepat lagi supaya rakyat lebih yakin terhadap penubuhan 'ESSCOM dan ESSZONE' di negeri Sabah disebabkan tuntutan ke atas negeri Sabah oleh pihak-pihak tertentu masih belum digugurkan.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Setelah hampir setahun penubuhan ESSCOM, tidak ada sebarang pencerobohan yang berlaku selepas kejadian pencerobohan pertama yang berlaku di Lahad Datu pada Februari 2013. Di sebalik pelbagai khabar angin yang disebarkan akan berlakunya pencerobohan kali kedua namun perkara ini tidak berlaku disebabkan oleh peningkatan kawalan keselamatan khususnya kawasan perairan yang telah dipergiatkan dengan kerjasama dan komitmen semua agensi keselamatan dan pertahanan.

Walaupun bagaimanapun, terdapat dua kes penculikan berlaku. Satu pada tahun 2013 di Pulau Pom-Pom dan satu kes penculikan yang berlaku baru-baru ini di Singamata. Ini adalah disebabkan oleh kumpulan-kumpulan penjenayah kecil yang menggunakan modus operandi "tunggu dan masuk" iaitu kaedah menyusup masuk setelah mengenalpasti terdapat ruang kosong keselamatan.

Namun, pendekatan baru telah diambil di mana kesemua 11 buah pulau yang mempunyai Pusat peranginan telah ditempatkan pos-pos kawalan termasuk di Singamata pada dua hari lepas.

Justeru itu, ESSCOM dengan kerjasama semua agensi keselamatan dan pertahanan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk membanteras jenayah rentas sempadan berdasarkan strategi seperti berikut:

- i) Menyelaraskan kawasan rondaan melibatkan pelbagai agensi supaya tidak berlaku sebarang pertindihan dan tumpuan di satu-satu tempat. Ini termasuk memperhebatkan rondaan khususnya di kawasan yang sentiasa menjadi tumpuan jenayah rentas sempadan;
- ii) Meningkatkan jumlah dan bilangan aset khususnya di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan jenayah rentas sempadan. Penambahan aset dan sumber manusia serta koordinasi yang baik di antara kesemua agensi-agensi ini dengan ESSCOM akan dapat mempertingkatkan kawalan serta pencegahan pencerobohan dan juga rompakan di sepanjang kawasan ini;
- iii) Meningkatkan kawalan keselamatan melalui koordinasi dan kolaborasi antara agensi keselamatan, penguatkuasaan dan keselamatan;
- iv) Pembentukan "*Quick Response Force – QRF*" dari perkhidmatan PDRM, ATM dan APMM telah ditempatkan di beberapa lokasi strategik yang seringkali digunakan sebagai laluan masuk oleh mereka yang terlibat dengan jenayah rentas sempadan. QRF ini dibekalkan dengan bot laju untuk memintas penjenayah di laut dan di pulau-pulau di dalam ESSZONE.

- v) Agensi-agensi keselamatan juga akan mempertingkatkan bilangan anggota yang akan ditempatkan di kesemua pos-pos kawalan yang terletak di sepanjang perairan Pantai Timur Sabah. Di samping itu, pos-pos kawalan yang telah sedia ada di daratan atau pun di pulau-pulau akan diperkukuhkan. Pada masa ini terdapat 3 batalion PGA, 4 batalion ATM di kawasan ESSZONE.
- vi) Mendapatkan kerjasama dari orang ramai khususnya masyarakat setempat supaya sentiasa memberi kerjasama kepada anggota keselamatan khususnya di dalam penyaluran maklumat di dalam isu-isu melibatkan jenayah rentas sempadan.
- vii) Meningkatkan hubungan dua hala melibatkan agensi perisikan dan keselamatan negara jiran.

Kesemua inisiatif di atas diharap akan dapat menyumbang terhadap kejayaan untuk menyekat sebarang ancaman luar. Dalam pada itu, ESSCOM juga telah meningkatkan kerjasama dengan kesemua agensi keselamatan, penguatkuasaan dan pertahanan seperti PDRM, ATM dan APMM bagi membendung kemasukan anasir luar ke kawasan Pantai Timur Sabah.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya**
• **[Tasek Gelugor]**
TARIKH : **7.4.2014**
SOALAN :

Y.B. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah syarat tambahan menguasai Bahasa Mandarin sebagai keperluan untuk menjawat jawatan guru besar di SKJC merupakan syarat yang ditetapkan oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) perlu memenuhi semua syarat-syarat umum dan khusus bagi urusan pemangkuan ke Gred DG32 dan Gred DG34 seperti yang telah ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP). Syarat-syarat tersebut termasuklah mempunyai pengkhususan dalam bidang-bidang tertentu mengikut kesesuaian kekosongan jawatan kenaikan pangkat seperti berikut:

- (i) Bidang Umum (BU) : pengisian di Sekolah Kebangsaan;
- (ii) Bidang Cina (BC) : pengisian di SJK(C) ;
- (iii) Bidang Tamil (BT) : pengisian di SJK(T)

Oleh yang demikian, syarat kelulusan Bahasa Mandarin merupakan syarat khusus dalam urusan pemangkuan bagi mengisi jawatan Guru Besar Gred DG32 dan Gred DG34 di SJK(C). Rjm115

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH : 7 APRIL 2014
SOALAN :**

YB Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sepuluh jenis penyakit kritikal di negara kita, angka masing-masing yang meliputi setiap kes terbaru, sembuh dan meninggal dunia pada tahun 2013 dan adakah peruntukan ubat-ubat perlu, katil pesakit dan rawatan di hospital Kerajaan mencukupi untuk pesakit kritikal.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hanya mengumpulkan data discaj dari hospital berdasarkan diagnosa mengikut kod ICD-10, di mana kod ICD-10 ini tidak menunjukkan tahap kritikal sesuatu penyakit. Mengikut data KKM, 10 sebab kemasukan utama di hospital-hospital KKM berdasarkan diagnosa semasa discaj pada tahun 2012 adalah seperti berikut:

Jadual 1: Sebab Kemasukan Utama Ke Hospital KKM Bagi Tahun 2012

No.	Sebab Kemasukan	Bilangan Discaj
1	Penyakit berkaitan Obstetrik dan Kelahiran	401,782
2	Penyakit berkaitan Sistem Pernafasan	162,059
3	Kecederaan, keracunan atau masalah disebabkan oleh faktor luaran	120,881
4	Penyakit berkaitan Sistem Jantung dan Peredaran Darah	111,040
5	Masalah yang terjadi selepas kelahiran	111,006
6	Jangkitan kuman dan penyakit yang disebabkan oleh parasit	100,337
7	Penyakit berkaitan dengan Sistem Pencernaan	71,779
8	Penyakit berkaitan Sistem Genitourinari	65,825
9	Faktor-faktor yang mempengaruhi status kesihatan & hubungan dengan perkhidmatan kesihatan	53,576
10	Barah	49,055

Jadual 2: 10 Sebab Utama Kematian Di Hospital-Hospital KKM, 2012

No	Sebab Kemasukkan	Bilangan Discaj
1	Penyakit berkaitan Sistem Jantung dan Peredaran Darah	7,241
2	Penyakit berkaitan Sistem Pernafasan	5,515

3	Jangkitan kuman dan penyakit yang disebabkan oleh parasit	5,036
4	Barah	3,415
5	Kecederaan, keracunan atau masalah disebabkan oleh faktor luaran	1,559
6	Penyakit berkaitan dengan Sistem Pencernaan	1,486
7	Penyakit berkaitan Sistem Genitourinari	1,225
8	Masalah yang terjadi selepas kelahiran	1,006
9	Lain-lain	547
10	Penyakit berkaitan sistem saraf	512

(Sumber: Laporan Tahunan Subsistem Rawatan Perubatan HIMS 2012)

Tuan Yang di-Pertua,

Ubat-ubat yang diperlukan untuk merawat penyakit-penyakit kritikal ada disenaraikan di dalam Formulari Ubat KKM dan peruntukan bagi tujuan perolehan ubat-ubat tersebut adalah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua,

Matlamat KKM adalah meningkatkan bilangan katil secara berperingkat untuk mencapai nisbah 2.5 katil per 1,000 penduduk sejak Rancangan Malaysia Ke-10 bagi memenuhi keperluan rakyat. Bagi tahun 2010, bilangan katil di hospital-hospital KKM secara keseluruhan adalah sebanyak 37,793 buah katil dengan nisbah katil per 1,000 orang penduduk adalah 1.33. Pada tahun 2011, jumlah keseluruhan katil hospital KKM

adalah sebanyak 38,394 buah katil dengan nisbah 1.33 katil per 1,000 orang penduduk. Manakala bagi tahun 2012 pula, bilangan katil hospital KKM telah meningkat kepada 38,944 buah katil dan nisbah katil per 1,000 orang penduduk adalah sebanyak 1.32. Bagi tahun 2013 pula, jumlah katil hospital KKM adalah sebanyak 39,696 buah katil dan nisbah katil per 1,000 orang penduduk adalah sebanyak 1.32.

Jumlah Hospital Kerajaan termasuk Institusi Perubatan Khas adalah sebanyak 142 buah hospital (dikemaskini sehingga Disember 2013).

Bilangan katil dan hospital masih tidak mencukupi dan pihak kementerian sentiasa merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan dan naiktaraf hospital-hospital KKM secara berterusan bagi memastikan keperluan bagi rakyat terjamin.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG
(TEBRAU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.04.2014

Y.B. TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengikut jejak Kerajaan Negeri Johor untuk mengecualikan bayaran bunga pinjaman perumahan oleh kakitangan-kakitangan Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang untuk mengecualikan kadar faedah pinjaman perumahan yang dikenakan kepada peminjam.

Buat masa ini, kerajaan membiayai perbezaan kadar faedah bagi pinjaman yang diambil, dengan kadar faedah yang dibayar oleh peminjam sebanyak 4%, adalah di antara 0.2% hingga 0.9% dengan kos yang ditanggung oleh kerajaan sebanyak RM160 juta setahun.

Selain itu, mulai 1 Januari 2013, peminjam hanya membayar wang proses sebanyak RM100 sahaja bagi setiap permohonan berbanding pada masa yang lalu wang proses dikenakan mengikut kadar jumlah pinjaman.

SOALAN NO. : 12

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA :

TARIKH : 07 APRIL 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan mengapa tidak ada sebarang tindakan diambil, berdasarkan Akta Perlindungan Hidupan Liar 2010, terhadap Rona Wildlife dan Anson Wong yang didakwa terlibat dalam penyeludupan haiwan liar dalam program Al-Jazeera "The Return of the Lizard King".

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian menerusi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) amat memandang serius dakwaan oleh *Al-Jazeera* mengenai syarikat Rona Wildlife yang didakwa milik Anson Wong (Wong Keng Liang) yang kembali menjalankan aktiviti penyeludupan hidupan liar. Tindakan siasatan dan langkah penguatkuasaan segera telah diambil oleh Jabatan PERHILITAN terhadap isu ini.

Jabatan PERHILITAN sentiasa memantau setiap pergerakan Anson Wong dan isterinya (Cheah Bing Shee) terutamanya selepas Anson Wong dibebaskan dari penjara pada tahun 2012.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Anson Wong ditahan di KLIA atas cubaan menyeludup 95 ekor *Boa constrictor* tanpa permit pada 27 Ogos 2010. Beliau telah didakwa dan semua lesen serta permit khas milik Anson Wong dan isterinya Cheah Bing Shee telah dibatalkan pada 22 September 2010 dan semua hidupan liar terjadual di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) milik mereka telah dirampas. Semenjak itu, Jabatan PERHILITAN tidak lagi mengeluarkan lesen atau permit atas nama Anson Wong atau Cheah Bing Shee. Dakwaan syarikat petshop Rona Wildlife adalah milik Anson Wong adalah tidak benar di mana mengikut Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ia adalah milik individu bernama Muthu Komar A/L Kuppan.

Jabatan PERHILITAN juga telah membatalkan lesen perniagaan petshop Rona Wildlife yang dimiliki Muthu Komar A/L Kuppan kerana menyimpan 5 ekor Elongated Tortoise (*Indotestudo elongata*) yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta 716 tanpa permit khas.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK CHUA TEE YONG
(LABIS)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 07.04.2014

Y.B. DATUK CHUA TEE YONG [LABIS] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan jumlah perbelanjaan subsidi kerajaan untuk RON95 mengikut tahunan sejak 2008 dan bolehkah kerajaan mempertimbangkan penggunaan semula RON92 sebagai salah-satu langkah untuk mengurangkan beban perbelanjaan subsidi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan subsidi Kerajaan untuk RON95 sejak tahun 2009 hingga 2013 adalah seperti berikut:

TAHUN	PETROL RON95 (RM JUTA)
2009	894
2010	3,524
2011	9,732
2012	12,363
2013	11,729

Tiada maklumat perbelanjaan subsidi bagi RON95 pada tahun 2008 kerana penggunaan RON95 hanya diperkenalkan mulai 1 September 2009.

Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengguna semula RON92 sebagai langkah untuk mengurangkan perbelanjaan subsidi petroleum.

NO. SOALAN: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a)ulasan Kerajaan dalam melaksanakan 'Science to Action' (S2A) yang dipandu oleh 'Global Science and Innovation Advisory Council' (GSIAC) yang memberi galakan kepada GLC dan SME untuk terlibat dalam inisiatif atau pelaburan sektor teknologi baru yang akan memberi pulangan berlipat kali ganda; dan
- (b)berapa banyak syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan dengan bantuan dan kemudahan yang membolehkan mereka mampu bersaing memasarkan pengeluaran untuk pasaran dalam dan luar negara.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Soalan (a)

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia menerusi Model Baru Ekonomi telah mensasarkan untuk mencapai status negara maju selaras dengan Wawasan 2020. Namun demikian, untuk membolehkan negara ini terus kehadapan dan mampu berdaya saing dengan negara-negara lain, tumpuan perlu diberikan terhadap penerapan sains dan teknologi di dalam pelbagai sektor ekonomi. Penekanan ini akan mengukuhkan lagi pembangunan negara seiring dengan kemajuan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, Jerman dan Korea Selatan.

Menyedari tentang kepentingan ini, kerajaan telah melancarkan inisiatif **“Science to Action” (S2A)** yang bertujuan meningkatkan kemampuan negara dalam sains, teknologi dan industri sekaligus mampu membantu negara menjadi lebih berdaya saing. Objektif inisiatif S2A adalah seperti berikut:

1. Menaik taraf profil sains dan teknologi dalam pembangunan negara;
2. Sains dan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Inisiatif ini adalah usaha kerajaan bagi memastikan kejayaan Program Transformasi Negara dapat diteruskan dengan mengutamakan

penggunaan secara berkesan elemen sains dan teknologi. Inisiatif ini berpaksi kepada model Perkongsian Swasta-Kerajaan di dalam sektor teknologi tinggi, di mana pembangunan industri tersebut akan di terajui oleh sektor swasta tempatan melalui perkongsian 60:40 yang juga melibatkan organisasi global untuk mempercepatkan penerapan sains dan teknologi.

Saya percaya dengan pelaksanaan inisiatif S2A yang diterajui oleh Penasihat Sains akan dapat membantu negara mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Inisiatif ini akan dilaksanakan melalui tiga teras utama iaitu:

1. **Sains untuk Industri**, bertujuan memantapkan budaya inovasi dan memperkasakan industri dalam menjanakan kekayaan baru. Ini termasuklah usaha untuk menerapkan budaya inovasi “Innovate or Perish” di kalangan pihak swasta seperti yang saya perhatikan ketika mengadakan lawatan di Silicon Valley, Amerika Syarikat baru-baru ini. Budaya ini telah menghasilkan syarikat-syarikat gergasi yang telah menghasilkan berbagai produk canggih untuk pasaran dunia. Saya ingin melihat budaya ini diterapkan di kalangan pihak swasta di negara kita.
2. **Sains untuk Kesejahteraan**, bertujuan menaik taraf kehidupan rakyat melalui penggunaan serta penguasaan sains, teknologi dan industri. Teras ini turut menitikberatkan kecemerlangan pendidikan negara khususnya dalam bidang STEM (Sains, Teknologi,

Kejuruteraan dan Matematik) dengan memberikan penumpuan khusus terhadap generasi muda dan golongan belia;

3. **Sains untuk Tadbir Urus**, bertujuan memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan swasta agar dapat menggalakkan persekitaran dan ekosistem yang mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan serta penguasaan sains dan teknologi. Inisiatif teras ini akan didorong oleh Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara yang telah diluluskan oleh Kabinet pada awal tahun ini.

Lapan (8) program *flagship* utama telah dikenalpasti bagi melaksanakan S2A seperti berikut:

Program <i>Flagship</i>	Objektif Program
<ul style="list-style-type: none">• <i>Strengthening Science</i>	Menambah baik sistem penyampaian sektor awam dan memperkemas urus takbir agenda STI kebangsaan untuk memperbaiki ekosistem STI negara.
<ul style="list-style-type: none">• <i>Delivering Science</i>	Memastikan kelancaran projek, polisi dan pencapaian berkaitan STI bagi meningkatkan lagi penyertaan dan kerjasama sektor swasta.
<ul style="list-style-type: none">• <i>Science Talent</i>	Memupuk minat dalam bidang sains di kalangan Rakyat bagi memastikan negara mempunyai pakar tempatan dalam bidang STI bagi pembangunan

	negara yang mampan.
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Smart Community</i> 	Meningkatkan taraf hidup rakyat melalui penggunaan STI secara berkesan
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Sustainability Science</i> 	Program ke arah mewujudkan kelestarian sumber strategik dan inisiatif untuk melindungi dan memulihara sumber asli negara dan mempertingkatkan biodiversiti negara sebagai sumber ekonomi
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Invest Science</i> 	Meningkatkan kerjasama dan perkongsian yang dipacu oleh industri (<i>industry driven</i>) dan meningkatkan inovasi dan memupuk budaya mengambil risiko (<i>risk taking culture</i>) di kalangan usahawan untuk menggiatkan usaha pengkomersialan R&D.
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Enterprising Science</i> 	Merangsang dan memudahcara sektor swasta untuk menjalankan R,D&C dengan membangunkan program-program strategik untuk membantu SME dan syarikat tempatan.
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Seeding Science</i> 	Menggalakkan pengkomersialan hasil R&D tempatan dan membuka peluang kepada saintis dan penyelidik tempatan untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan berteraskan S&T.

Soalan (b)

Inisiatif S2A masih dalam fasa pertama pelaksanaannya. Sekretariat kini sedang mengumpul maklumat dan memperincikan pendekatan terbaik bagi memastikan lebih banyak syarikat-syarikat tempatan mampu bersaing di peringkat global.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima
Annuar bin Musa [KETEREH]**

TARIKH : 07.04.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 15

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan :-

- (a) apakah status pelaksanaan Projek Agropolitan di seluruh negara di bawah Projek Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB); dan
- (b) nyatakan pencapaian Projek Agropolitan di peringkat negeri Kelantan seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Koridor Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jawapan (a)

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah melaksanakan **Projek Agropolitan** di bawah **Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB)** melalui agensi pelaksanaannya seperti RISDA, FELCRA Berhad, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS).

Sehingga kini terdapat **11 projek Agropolitan** yang sedang dilaksanakan di bawah PLMLB di negeri Pahang, Perak, Kedah, Sabah dan Sarawak dengan keluasan **10,574.5 hektar** dan memberi manfaat kepada lebih kurang **2,891 KIR Miskin Tegar**.

Jawapan (b)

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Agropolitan di peringkat negeri Kelantan seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Koridor Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) adalah di bawah bidang kuasa Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri. KKLW tidak mempunyai sebarang penglibatan ke atas Projek Agropolitan di bawah ECER.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 7 APRIL 2014

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme pengagihan bantuan wang bantuan banjir yang disumbangkan oleh Kerajaan UAE (*United Arab Emirates*) kepada mangsa-mangsa banjir di sekitar Kuantan. Bilakah ianya akan mula diedarkan, di dalam bentuk bagaimana dan sama ada semua mangsa banjir akan menerima bantuan tersebut tanpa diskriminasi.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan, adalah difahamkan pihak Kerajaan Emiriah Arab Bersatu (*United Arab Emirates – UAE*) telah mengumumkan hasrat untuk memberikan sumbangan bantuan kepada Negeri Pahang bagi membantu mangsa banjir yang terjejas pada Disember 2013 lalu. Majlis Keselamatan Negara (MKN) dimaklumkan bahawa sumbangan tersebut masih belum disalurkan kepada Kerajaan Negeri Pahang dan difahamkan sekiranya bantuan ini diterima, kaedah pembayaran akan akan dibincangkan secara bersama di antara Kedutaan Besar Kerajaan UAE di Malaysia dengan Kerajaan Negeri Pahang.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB RAIME BIN UNGGI
(TENOM)**

**TARIKH : 07.04.2014
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah sumbangan Malaysia terhadap keamanan dan kestabilan dunia termasuk misi-misi bantuan dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terlibat dengan 6 misi pengaman di seluruh dunia di bawah kelolaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan melibatkan 20,100 anggota pengaman bermula daripada misi pertama di Congo pada 1960. Manakala terdapat 16 misi Pegawai Pemerhati Tentera yang melibatkan 805 pegawai sehingga kini.

Keupayaan ATM melaksanakan misi pengaman yang dianjurkan oleh PBB di negara-negara yang menghadapi konflik menunjukkan pengiktirafan PBB terhadap keupayaan ATM dalam membantu usaha memulihkan keamanan dan kestabilan di negara-negara berkenaan. Kehadiran ATM di negara tersebut juga telah mendapat kepercayaan dan penghormatan negara berkenaan serta meningkatkan imej negara di peringkat antarabangsa.

Selain melaksanakan tugas pengaman dan misi PBB, ATM turut terlibat dengan beberapa misi yang bukan di bawah tajaan PBB seperti *International Security Assistance Force* (ISAF) Afghanistan dan *International Monitoring Team - Mindanao* (IMT) Filipina. Malaysia juga merupakan salah sebuah negara yang aktif di dalam misi *Humanitarian Assistance in Disaster Relief* (HADR) semasa bencana alam di Indonesia, Filipina, Myanmar dan Pakistan.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN WONG LING BIU
KAWASAN : SARIKEI
TARIKH : 7 APRIL 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN WONG LING BIU (SARIKEI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada satu jalan dari Bandar Sarikei ke Tanjong Manis sudah mendapat kelulusan daripada *Sarawak Planning Authority* (SPA). Bilakah pembinaan jalan raya tersebut akan dimulakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah mengemukakan kertas cadangan projek membina jalan penghubung dari Sarikei ke Tanjung Manis kepada Lembaga Perancang Negeri Sarawak (SPA) pada bulan Julai 2013 yang lalu. Walau bagaimanapun, setakat ini Kementerian Kerja Raya masih belum menerima pengesahan daripada pihak SPA berhubung projek berkenaan. Ini kerana pihak SPA masih sedang meneliti opsyen jajaran yang terbaik untuk menghubungkan jalan perhubungan ke Tanjung Manis, Sarawak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' WIRA MOHD JOHARI BAHAROM**
KAWASAN : **KUBANG PASU**
TARIKH : **7.4.2014 (ISNIN)**
NO. SOALAN : **19**

Y.B. DATO' WIRA MOHD JOHARI BAHAROM minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

- a) bilakah Dasar Automatif Negara (DAN) akan dilaksanakan? Apakah DAN telah mengambil kira tentang pemegang-pemegang "*Approval Permit*" (AP) kereta yang menjadi punca pendapatan 25,000 orang pekerja di bawah seliaan mereka; dan
- b) jika DAN dilaksanakan, apakah keuntungan langsung kepada negara dari segi tarif dan cukai ke atas kenderaan yang diimport dan dibuat di dalam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kubang Pasu, Dasar Automatif Nasional (NAP) 2014 telahpun dilancarkan pada 20 Januari 2014. Namun demikian, pelaksanaan beberapa langkah seperti pengeluaran Lesen Pengilang baharu bagi segmen kenderaan bertenaga efisien (EEV) telah

dimulakan pada tahun 2012 berikutan kelulusan Jemaah Menteri ke atas langkah baharu ini.

Berhubung dengan Lesen Import (AP) kereta, Kerajaan di bawah NAP 2014 telah memutuskan supaya satu kajian terperinci dan menyeluruh dijalankan mengenai implikasi pemansuhan sistem AP ke atas semua pihak berkepentingan.

Tuan Yang Di Pertua,

NAP 2014 akan terus membantu Kerajaan dalam usaha untuk mewujudkan industri automotif tempatan yang lebih kompetitif dan berdaya saing dan seterusnya membangunkan Malaysia sebagai hab automotif serantau bagi EEV menjelang tahun 2020.

Dalam hal ini, pelbagai langkah yang digariskan untuk membangunkan industri automotif negara dijangka akan terus meningkatkan jumlah pengeluaran kenderaan untuk mencapai sasaran 1.35 juta unit setahun menjelang tahun 2020 di mana jualan tempatan kenderaan penumpang berjumlah 1 juta unit. Ini akan memberi pulangan lebih besar dari segi pungutan hasil cukai daripada jualan kenderaan yang meningkat di samping hasil cukai lain yang diperolehi daripada kemasukan pelaburan asing baharu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 07 APRIL 2014

RUJUKAN : 6596

SOALAN:

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kedudukan pendatang asing dengan izin dan tanpa izin, pelarian-pelarian yang berselindung dan tinggal dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang kini mendiami unit-unit atas bangunan kedai secara bebas termasuk yang berniaga sendiri dan apakah rancangan kementerian untuk membersihkan wajah Kuala Lumpur yang mulai di warnai dengan pendatang dan pelarian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sedang dan akan menjalankan operasi penguatkuasaan secara bersepadu dari masa ke semasa terhadap PATI dan juga pelarian di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur termasuk mereka yang menjalankan perniagaan secara haram. Bermula tahun 2012 sehingga Februari 2014, jumlah tangkapan PATI di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seramai 7,467 orang.

Untuk mengatasi masalah kebanjiran PATI dan pelarian di Bandaraya Kuala Lumpur, kerjasama di antara semua pihak adalah perlu. Agensi-agensi penguatkuasa di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah menjalankan kerjasama bersama agensi penguatkuasa yang lain seperti Jabatan Peguam Negara, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan lain-lain Agensi/Jabatan yang berkaitan dalam melaksanakan operasi tangkapan dan seterusnya mengambil tindakan ke atas PATI yang ditangkap.

Selain itu, orang ramai juga adalah berperanan untuk turut serta membantu agensi-agensi Kerajaan melaksanakan bidang kuasa masing-masing. Tanggungjawab orang ramai termasuk melaporkan keberadaan PATI dan pelarian, tidak bersekongkol melindungi PATI

atau pelarian dan tidak memberikan bantuan perniagaan kepada golongan PATI dan pelarian.

Dengan adanya usaha-usaha yang berterusan dan bantuan orang ramai tersebut, diharapkan Kerajaan akan berjaya memastikan kesejahteraan rakyat negara ini tidak dimudaratkan oleh kemasukan PATI .

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 7 APRIL 2014

SOALAN :

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk memberi penerangan kepada rakyat tentang bagaimana menghadapi keadaan banjir dan usaha Kementerian untuk membantu memulihkan kehidupan mangsa banjir yang terlibat selepas banjir yang kerugian banyak harta benda.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Program Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti (*Community Based Disaster Management – CBDM*) anjuran MKN telah dilaksanakan sejak tahun 2010 dengan memberikan penumpuan kepada daerah-daerah yang mempunyai *hotspots* kemungkinan berlaku bencana berskala besar. Kaedah pelaksanaan program kesedaran awam ini telah dipertingkatkan dan ditambahbaik di mana pengisian program ini bukan sekadar ceramah tetapi turut diisi dengan bengkel yang mengajar mengenai persediaan bagi menghadapi banjir, tindakan yang perlu diambil semasa mendapat arahan berpindah, peranan komuniti di pusat pemindahan dan perkara yang perlu dilakukan setelah mendapat kebenaran pulang ke rumah. Sehingga tahun 2013, seramai 12,111 peserta telah menyertai program ini di seluruh negara.

Program penerangan kepada orang awam terhadap bencana telah dijalankan dengan giat di seluruh negara. Penglibatan agensi seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta turut dilaksanakan secara kerjasama bersama badan bukan Kerajaan (NGO) seperti MERCY Malaysia (MERCY), Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) dan lain-lain.

Selain daripada itu, latihan persediaan menghadapi bencana turut dilaksanakan di peringkat sekolah dengan adanya kerjasama KPM dengan MERCY untuk menjalankan program *Smart Support Team* (SST). Program yang dilaksanakan di sekolah ini memberikan peluang dan pengalaman kepada pelajar untuk bertindak sekiranya berlaku bencana. Program yang turut mendapat sokongan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ini masih pada peringkat pelaksanaan. Di samping itu juga, peningkatan kesedaran pengurangan risiko bencana turut telah dimasukkan ke dalam takwim sekolah di mana kawad kecemasan telah diarah untuk diadakan di sekolah-sekolah.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali**
[Gombak]
TARIKH : **7.4.2014**
SOALAN :

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pembinaan sekolah rendah dan sekolah menengah di DUN Bukit Antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pentadbir Tanah Gombak melalui surat bertarikh 16 Disember 2013 kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa permohonan pemberimilikan tanah Kerajaan Lot 22248, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak bagi tapak SK Taman Sering Ukay telah ditangguhkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor Bil. 36/2011 yang telah bersidang pada 30 November 2011. Walau bagaimanapun, bagi pembinaan sebuah sekolah menengah di DUN Bukit Antarabangsa pula, KPM tiada maklumat berkaitan perkara tersebut.

Rjm112

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

SOALAN : 23

Dato' Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULIMEDIA** menyatakan status projek fasa kedua Jalur Lebar Kelajuan Tinggi (HSBB) di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara dan kesan yang dijangka terhadap pengembangan pasaran e-Dagang di negara ini sebagai pemacu ekonomi digital negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Memorandum Projek HSBB Fasa 2 telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 19 Februari 2014. Pihak Kementerian sedang membuat susulan secara terperinci dengan pihak pelaksana untuk menyelaraskan pelan pelaksanaan sebelum projek ini mula dilaksanakan pada tahun 2014 seperti yang dijadualkan.

Antara kesan-kesan positif yang diperolehi hasil daripada perkembangan projek ini terhadap pasaran e-dagang adalah seperti berikut:

- i) Perkembangan platform-platform perniagaan atas talian yang membolehkan urusan perniagaan dilaksanakan dengan lebih cepat dengan capaian pasaran yang lebih meluas. Buat masa ini dianggarkan terdapat 3,000 kedai atas talian yang menggunakan blog (*blogshop*) di mana 736 daripadanya menggunakan saluran pembayaran "Maybank2u Pay".
- ii) Perkembangan platform perkhidmatan Kerajaan dalam talian yang membolehkan urusan berkaitan Kerajaan seperti pembayaran cukai taksiran dan bil-bil perkhidmatan dilaksanakan dengan lebih cepat dan mudah. Setakat ini, 70% atau sebanyak 8,000 perkhidmatan Kerajaan telah disediakan secara atas talian.
- iii) Perkembangan sektor media baru seperti muzik digital, permainan komputer secara atas talian dan IPTV. Syarikat-syarikat pengeluar dan pemberi perkhidmatan akan melabur dalam sektor ini memandangkan terdapat permintaan daripada pengguna-pengguna jalur lebar dan transaksi boleh dilaksanakan secara atas talian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

SOALAN :

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI] minta
PERDANA MENTERI menyatakan**

- (a) apakah Indeks Produktiviti Perkhidmatan Awam dari tahun 2003 hingga 2013; dan
- (b) nyatakan juga peratusan kenaikan gaji kakitangan awam dari tahun 2003 hingga 2013.

**JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perkhidmatan Awam sentiasa mengutamakan usaha-usaha ke arah meningkatkan produktiviti negara. Untuk itu, penjawat awam

serantiasa disemai dengan nilai-nilai positif yang menjadi pegangan mereka selaku jentera pelaksana dasar Kerajaan. Pembudayaan nilai positif penjawat awam dipupuk melalui amalan lapan (8) nilai Etos Perkhidmatan Awam iaitu berintegriti, budaya kesegeraan, mengutamakan pelanggan, bekerjasama dan bersepakat, inovasi dan kreativiti, musyawarah dan penglibatan, aduan sebagai hadiah dan menimba ilmu serta meningkat kemahiran. Selain itu, enam (6) prinsip utama iaitu cepat, tepat, integriti, *productivity*, *creativity* dan *innovation* atau pun CTI-PCI turut diterapkan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang memenuhi ekspektasi rakyat.

Produktiviti Perkhidmatan Awam sering dinilai melalui pelbagai instrumen yang dipelopori oleh badan antarabangsa. Sebagai contoh, *The Institute for Management Development* (IMD) yang berpangkalan di Lausanne, Switzerland menerbitkan *IMD World Competitiveness Yearbook* setiap tahun. Laporan ini menanda aras 60 buah negara (sehingga *World Competitiveness Yearbook* 2013) berdasarkan 333 kriteria yang mengukur daya saing sesebuah negara secara komprehensif berlandaskan empat (4) faktor utama iaitu *Economic Performance*, *Government Efficiency*, *Business Efficiency* dan *Infrastructure*. Menerusi salah satu faktor utama yang dinilai dalam *World Competitiveness Yearbook* iaitu *Government Efficiency*, produktiviti Perkhidmatan Awam dinilai berbanding dengan negara-negara lain di dunia. Ini sedikit sebanyak membantu pihak Kerajaan dalam merencana perancangan ke arah meningkatkan kualiti penyampaian dan produktiviti Perkhidmatan Awam sepanjang masa. Kedudukan Malaysia dalam faktor utama "*Government Efficiency*" - *World Competitiveness Yearbook* adalah baik iaitu pada kedudukan ke 15 daripada 60 buah negara pada tahun 2013.

Produktiviti Perkhidmatan Awam juga dinilai di dalam *Global Competitiveness Report* yang diterbitkan oleh *World Economic Forum* (WEF). Laporan ini digunakan oleh sejumlah 148 buah negara (sehingga *Global Competitiveness Report 2013-2014*) di seluruh dunia bagi menanda aras daya saing negara yang dinilai melalui 12 *pillars*. *Pillar* yang pertama iaitu "*Institutions*" mengandungi indikator-indikator yang menilai keberkesanan penyampaian Perkhidmatan Awam di samping penglibatan institusi swasta dari segi standard dan ketelusan pelaporan serta keutuhan jalinan kerjasama awam-swasta dalam mewujudkan suasana ekonomi yang mesra pelabur dan menjanjikan pertumbuhan. Kedudukan Malaysia dalam *pillar* "*Institutions*" - *Global Competitiveness Report* adalah pada kedudukan ke 29 daripada 148 buah negara pada tahun 2013.

Selain itu, prestasi dan produktiviti negara turut dinilai menerusi beberapa instrumen penilaian antarabangsa yang lain iaitu *Foreign Direct Investment Confidence Index*, *Ease of Doing Business* dan *Global Innovation Index*. Penilaian ini dibuat dari pelbagai sudut merangkumi keupayaan ekonomi, saiz pasaran, infrastruktur, inovasi, teknologi, sumber manusia dan sebagainya.

(b) Sejak tahun 2003, sebanyak (2) dua kenaikan gaji telah diberikan oleh Kerajaan kepada pegawai Perkhidmatan Awam iaitu pada 1 Julai 2007 dan 1 Januari 2012.

Pemberian kenaikan gaji pada 1 Julai 2007 melibatkan kadar sebanyak:

- i. 7.5% kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi di Gred Utama C / Gred Khas C hingga Gred KSN;
- ii. 15% kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Gred 41 hingga Gred 54;
- iii. 25% kepada pegawai dalam Kumpulan Sokongan di Gred 17 hingga Gred 40; dan
- iv. 25% kepada pegawai dalam Kumpulan Sokongan di Gred 1 hingga Gred 16.

Manakala pemberian kenaikan gaji pada 1 Januari 2012 selanjutnya melibatkan kadar sebanyak:

- i. 7% kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi di Gred Utama Turus I dan Gred KSN;
- ii. 8% kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi di Gred Utama Turus III dan Gred Utama Turus II;
- iii. 9% kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi di Gred Utama C/ Gred Khas C hingga Gred Utama A/ Gred Khas A; dan
- iv. 13% kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Gred 41 hingga Gred 54, dan pegawai dalam Kumpulan Sokongan di Gred 1 hingga Gred 40.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]
TARIKH : 07.04.2014 (ISNIN)

DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah rasional kenaikan pelbagai harga barang dan perkhidmatan secara hampir serentak dan mendadak di seluruh negara sehingga mencetus keadaan resah dan membimbangkan kepada rakyat khususnya rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kenaikan harga barangan adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti perubahan cuaca, manipulasi harga, keadaan bekalan, kelemahan *supply-chain*, ketidak cekapan, kos operasi dan kebergantungan kepada barangan yang diimport. Faktor perubahan cuaca seperti musim tengkujuh dan kemarau misalnya telah mempengaruhi keadaan jumlah pengeluaran terutamanya barangan basah seperti ikan dan sayur-sayuran yang menyebabkan penawaran bekalan kurang daripada permintaan yang mendorong peniaga untuk menaikkan harga. Selain itu, perubahan harga barangan import adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti kedudukan kadar pertukaran mata wang asing dan perubahan cuaca di negara berkenaan.

Selain daripada itu, lazimnya harga barangan akan dinaikkan dalam tempoh perayaan disebabkan peniaga ingin mengaut keuntungan berlebihan akibat daripada peningkatan permintaan semasa musim tersebut. Dalam membantu dan melindungi pengguna terutamanya dalam menangani kos sara hidup yang semakin meningkat, Kementerian ini telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti Skim Kawalan Harga Musim Perayaan serta mempergiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan.

NO. SOALAN : 26

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
(2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENNA]**

TARIKH : 7 APRIL 2014

SOALAN :

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah keuntungan dan perbelanjaan Tabung Haji mengikut tahun dari tahun 1994-2013.

JAWAPAN : (YB. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Tabung Haji (**TH**) yang kini telah mencecah 50 tahun usia penubuhannya telah menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan dalam tempoh **20 tahun** daripada 1994 sehingga 2013.

Dari aspek **pendapatan**, dalam tempoh 20 tahun tersebut, pendapatannya telah melonjak daripada RM296 juta (1994) kepada

RM3.7 bilion (2013) iaitu **peningkatan yang melebihi sepuluh kali ganda atau pada kadar 1,160%**.

TH turut juga mencatat **lonjakan dalam keuntungannya** pada saban tahun sepanjang tempoh tersebut. Keuntungan pada 1994 berjumlah RM214 juta dan telah meningkat kepada RM2.6 bilion pada 2013, dengan **kadar pertumbuhan juga melebihi sepuluh kali ganda atau pada kadar 1,131%**.

Manakala dalam **aspek perbelanjaan**, juga meningkat daripada RM82 juta (1994) kepada RM1.1 bilion (2013) sejajar dengan perkembangan ekonomi semasa, kos-kos operasi dan pengurusan.

Bagi memastikan kemampanan kedudukannya, **TH** akan terus mengiatkan usaha, menggembeng dan memperkayakan modal pendeposit agar dapat memberikan pulangan yang kompetitif dan berpatutan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN]
TARIKH : 07.04.2014 (ISNIN)

DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah variasi barangan jualan di Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) merangkumi barangan basah dan barangan keperluan lain agar rakyat akan mendapat manfaat dan mampu membuat pilihan untuk berbelanja dengan berhemah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada peringkat awal pelaksanaan KR1M dalam bulan Jun tahun 2011, sebanyak 250 *stock keeping unit* (SKU) produk 1MKR telah dijual di KR1M. Namun begitu, jumlah SKU tersebut telah ditambah dari masa ke semasa mengikut permintaan dan keperluan. Sehingga 26 Februari 2014, sebanyak 397 SKU produk 1MKR yang meliputi 360 produk makanan dan 37 produk bukan makanan telah dijual di KR1M.

Di samping itu, KR1M telah menjual barangan basah di 10 buah outlet terpilih di sekitar Lembah Klang sebagai projek perintis bermula daripada 1 Mac 2014. Pelaksanaan ini dijalankan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Barang basah yang akan dijual adalah seperti ikan sejuk beku, ayam dan sayuran terpilih. Barangan ini akan di pek dalam kuantiti yang telah ditetapkan. Langkah ini bertujuan untuk memberi pilihan kepada pengguna bagi mendapatkan barangan keperluan bukan sahaja barangan kering tetapi barangan basah di satu tempat.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]
TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)
SOALAN : Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa banyak keperluan daging (lembu, kambing dan ayam) dalam tahun 2013 dan 2014. Apakah usaha-usaha yang dilakukan Kerajaan untuk memastikan keperluan ini mencukupi tanpa mengimport dari luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Keperluan bagi daging lembu pada tahun 2013 adalah sebanyak 180,835 tan metrik, daging kambing sebanyak 26,990 tan metrik dan daging ayam sebanyak 1.373 juta tan metrik. Bagi tahun 2014 pula, keperluan daging lembu dianggarkan sebanyak 187,497 tan metrik, daging kambing sebanyak 28,432 tan metrik dan daging ayam sebanyak 1.462 juta tan metrik. Negara telah pun mencapai tahap sara diri (SSL) pengeluaran bagi daging ayam bulat sebanyak 106% tetapi Kerajaan perlu mengimport keratan daging ayam untuk kegunaan industri pemprosesan yang mana penghasilan keratan daging ayam dalam negara masih lagi belum mencukupi. Bagi pengeluaran daging lembu dan kambing dalam negara masih belum mencukupi dan keperluan ini perlu ditampung melalui pengimportan. Walau bagaimanapun, usaha dijalankan oleh Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran daging ruminan dalam negara.

Antara usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan populasi pembiak melalui bantuan ternakan kepada usahawan ternak yang berpotensi dan berdaya maju;
- (ii) melaksanakan program pengeluaran ternakan secara integrasi di dalam kawasan perladangan kelapa sawit dan Kawasan Tumpuan Sasaran (KTS) serta penternakan secara fidlot di ladang satelit bagi meningkatkan pengeluaran daging; dan
- (iii) menggalakkan penternak meningkatkan produktiviti ladang ternakan dan mengurangkan kos pengeluaran melalui pelaksanaan amalan penternakan baik (*Good Animal Husbandry Practice* - GAHP).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

TARIKH : 7 APRIL 2014

SOALAN :

PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membuat sebarang pindaan atau mengenakan hukuman bagi mana-mana wakil rakyat sama ada Dewan Undangan Negeri atau Ahli Parlimen yang meletakkan jawatan tanpa sebab yang munasabah.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR melaksanakan fungsi-fungsinya berlandaskan kepada kerangka undang-undang negara yang sedang berkuat kuasa sekarang seperti berikut;

- (a) Perlembagaan Persekutuan (Perkara 113-120);
- (b) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5);
- (c) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19);
- (d) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjanaan Pilihan Raya) 1981;
- (e) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002; dan
- (f) Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

Berhubung cadangan Yang Berhormat agar Kerajaan membuat pindaan undang-undang bagi mengenakan tindakan terhadap mana-mana wakil rakyat yang meletakkan jawatan tanpa sebab yang munasabah, Perlembagaan Persekutuan di bawah Fasal (6) Perkara 48 telah menyatakan bahawa seseorang yang meletakkan jawatan akan

hilang kelayakan untuk bertanding selama lima tahun bermula dari tarikh perlepasan jawatannya berkuat kuasa.

Peletakan jawatan yang dimaksudkan adalah peletakan jawatan sebagai Ahli Dewan Rakyat berdasarkan kepada Perkara 51 Perlembagaan Persekutuan dan sebagai Ahli Dewan Negeri berdasarkan kepada Undang-undang Tubuh Negeri. Oleh itu Akta Pilihan Raya 1958 tidak boleh melarang seseorang ahli dewan meletak jawatan atas kemahuannya sendiri kerana ini akan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan merasakan undang-undang sedia ada masih sesuai untuk diteruskan untuk membendung mana-mana wakil rakyat sama ada Dewan Undangan Negeri atau Ahli Parlimen yang meletakkan jawatan tanpa sebab yang munasabah.

Sekian. Terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : LISAN
DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]
TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)
SOALAN : Tuan Sim Tong Him minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang syarat-syarat dan peraturan terhadap penternakan burung walit dan pembinaan rumah burung walit:-
- (a) di antara rumah burung walit yang sedia ada di seluruh negara, berapa jumlahnya yang sah dan telah mematuhi dengan syarat berkaitan; dan
 - (b) jumlah yang masih tidak dapat disahkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Secara keseluruhannya dianggarkan lebih 50,000 buah premis burung walit beroperasi di negara ini dengan Johor, Pahang, Perak, Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu merupakan negeri memiliki pengusaha tertinggi. Sehingga 28 Februari 2014, sejumlah 8,057 premis perladangan burung walit dan 233 buah pusat pemprosesan sarang burung walit telah berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS). Adalah dianggarkan terdapat lebih 40,000 premis burung walit masih tidak berdaftar dengan DVS atas pelbagai alasan, antaranya premis tidak mengeluarkan hasil atau mengelakkan pembayaran cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB. Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [JERANTUT]

TARIKH : 07.04.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 31

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan projek-projek utama yang dijalankan gagal disiapkan walaupun penangguhan tarikh siap telah ditunda, agar dapat disiapkan dengan segera demi memberi faedah untuk rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian sentiasa memberikan perhatian yang serius dan senantiasa mengadakan pemantauan terhadap pelaksanaan projek-projek supaya bukan sahaja siap pada masa yang ditentukan tetapi juga memenuhi spesifikasi projek sepertimana yang ditetapkan.

Projek-projek yang dikategorikan sebagai projek sakit yang mana mengalami kelewatan melebihi dua (2) bulan atau 20% daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan mengikut mana yang terdahulu, projek tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) untuk keputusan :-

- i) bagi projek sakit yang dikenal pasti kontraktornya masih berupaya menyiapkan kerja, Kementerian akan mengesyorkan langkah-langkah pemulihan untuk diambil oleh Pegawai Penguasa bagi membantu kontraktor menyiapkan kerjanya; atau

ii) bagi projek sakit yang dikenal pasti kontraktornya tidak berupaya menyiapkan kerjanya, Kementerian akan memperakukan kepada Pegawai Yang Dinamakan dalam kontrak untuk penamatan kontraktor selaras dengan syarat-syarat kontrak dan melantik kontraktor penyiap bagi projek yang ditamatkan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Selain itu, Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) bagi mengadakan lawatan ke atas projek-projek yang bermasalah bagi mencari jalan penyelesaian terhadap isu dan masalah yang dihadapi diperingkat pelaksanaan projek tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KARPAL SINGH
[BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk menaikkan gaji dan faedah-faedah lain bagi hakim-hakim di negara ini untuk membawa mereka setanding dengan hakim-hakim di Singapura. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN : YB HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan terakhir kepada perubahan gaji dan elaun-elaun seperti Elaun Keraian, Elaun Khas Kehakiman, Imbuhan Tetap Perumahan dan Elaun Pembantu Rumah bagi Hakim-Hakim Mahkamah Atasan telah dilaksanakan pada 1 Januari 2009.

2. Satu Jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menyemak semula gaji dan menambah baik skim perkhidmatan hakim mahkamah atasan untuk lebih kompetitif bagi menarik pengamal undang-undang yang berkaliber menyertai badan kehakiman. Cadangan jawatankuasa itu kelak akan dibawa untuk pertimbangan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN
MOHD JARJIS
KAWASAN : ROMPIN
TARIKH : 7 APRIL 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS (ROMPIN)
minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-

- (a) kedudukan terkini mengenai pembangunan jalan utama dari Muadzam-Keratong-Bahau dan Jalan Segamat-Gambang-Kuantan yang telah diumumkan oleh Kementerian; dan
- (b) statistik kemalangan maut/parah mengikut rekod bagi tempoh 5 tahun kebelakangan (2008 -2013) bagi jalan-jalan di atas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

(a)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan projek menaik taraf Jalan Persekutuan 12 (FT 12) dari Gambang, Pahang ke Segamat, Johor dalam Rolling Plan ke-4 (2013-2014), RMKe-10. Skop projek ini melibatkan naik taraf jalan sedia ada dengan reka bentuk piawaian JKR, R5 – iaitu melibatkan satu daripada empat pakej keseluruhan (Gambang ke Chini) sepanjang 47 km dengan anggaran kos projek sebanyak RM340 juta. Kos keseluruhan untuk menaiktaraf FT 12 Gambang ke Segamat ialah dianggarkan sebanyak RM2.34 bilion.

Pada masa kini pihak kontraktor yang dilantik secara reka dan bina untuk projek ini sedang melaksanakan kerja-kerja reka bentuk terperinci. Pelaksanaan fizikal projek ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2015. Manakala projek menaik taraf Jalan Muadzam – Bandar Tun Razak (Keratong) – Bahau ialah projek baru yang akan dipohon dalam tempoh Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan jumlah kemalangan maut/parah di laluan FT 12 (Gambang – Segamat) untuk tempoh 5 tahun terakhir (2008 – 2013) ialah sebanyak 166 kes dengan jumlah kematian seramai 174 orang.

Manakala jumlah kemalangan maut/parah di Jalan Bahau - Keratong untuk tempoh 5 tahun terakhir (2008 – 2013) ialah melibatkan 88 kes dengan jumlah kematian seramai 77 orang.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI**
KAWASAN : **BUKIT BENDERA**
TARIKH : **7.4.2014 (ISNIN)**
NO. SOALAN : **34**

Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah bantuan kewangan dari segi geran atau subsidi bagi apa-apa tujuan termasuk R&D yang diberi kepada pembuat kereta Proton bagi tahun 2008, 2009, 2010, 2011, 2012 dan 2013.

JAWAPAN

Dalam tempoh antara tahun 2008 hingga 2013, Kerajaan telah menyalurkan geran R&D berjumlah RM361.7 juta kepada PROTON iaitu sebanyak RM61.7 juta pada tahun 2008, RM125 juta (2009) dan RM175 juta (2010). Bagi tempoh 2011 hingga 2013, tiada sebarang geran R&D diberikan kepada PROTON.

Geran R&D yang diberikan ini telah membantu PROTON untuk memperkenalkan teknologi terkini dalam model-model baharu yang dikeluarkan bagi memenuhi citarasa pengguna di Malaysia. Selain itu, ia turut membantu dalam membangunkan keupayaan syarikat-syarikat pengeluar komponen tempatan yang mendapat manfaat dari teknologi yang dibangunkan oleh PROTON.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bantuan dan sokongan R&D sama turut diberikan kepada syarikat-syarikat pengilang atau pemasang kenderaan lain yang layak sama ada berstatus nasional atau tidak berdasarkan projek yang dicadangkan dan memenuhi kriteria-kriteria lain yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TN. HJ. MOHD FASIAH BIN HJ. MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]
TARIKH : 07 APRIL 2014
SOALAN :

YB Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes denggi seluruh negara bagi tahun 2013 dan hingga terkini mengikut negeri termasuk yang menyebabkan kematian dan mengapakah Selangor mencatatkan jumlah kes denggi tertinggi serta nyatakan langkah berkesan bagi mengatasi kes denggi ini.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kes denggi yang dilaporkan di seluruh negara pada tahun 2013 dan 2014 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KES	JUMLAH KEMATIAN
2013	43,346 kes	92 kematian
2014	16,383 kes	29 kematian (sehingga 23 Februari).

Pecahan mengikut negeri adalah seperti di lampiran 1.

Negeri Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi berbanding negeri-negeri lain iaitu melebihi 50% jumlah keseluruhan bilangan kes yang dilaporkan di seluruh negara. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor iaitu:

1. Kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan bandar menyebabkan penularan jangkitan lebih mudah dan pembangunan yang pesat memberi kesan kepada peningkatan tempat-tempat pembiakan Aedes;
2. Pergerakan penduduk yang lebih meluas melalui pengangkutan moden turut meningkatkan penyebaran virus denggi ke kawasan yang tiada kes sebelumnya dan ke tempat-tempat lain;
3. Kurangnya kesedaran masyarakat dalam menjaga kebersihan persekitaran mereka. Malah ada dikalangan orang ramai yang masih membuang sampah secara tidak berhemah. Ini akan menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes;
4. Pengurusan sampah domestik dan pukal yang tidak dilaksanakan dengan baik serta tempat pengumpulan sampah tidak terurus turut menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes;
5. Terdapat tempat pembuangan sampah haram dan tidak diuruskan dengan sempurna. Ini juga menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes;
6. Terdapat struktur-struktur bangunan yang dibina, menyumbang kepada terjadi tempat pembiakan Aedes;

7. Kurangnya amalan masyarakat melakukan aktiviti “cari dan musnahkan” tempat pembiakan Aedes seminggu sekali di kediaman atau persekitaran mereka; dan
8. Perubahan serotype virus denggi (*serotype shift*), di mana dari akhir tahun 2012 hingga Februari 2013, *serotype virus* yang dominan di Malaysia adalah DEN 4 tetapi pada bulan Mac 2013 ianya bertukar kepada DEN 2. Perubahan *serotype* ini boleh menyebabkan kes atau kematian meningkat. Serotype DEN 2 juga boleh menyebabkan manifestasi klinikal yang lebih teruk dan menyebabkan risiko komplikasi yang lebih tinggi sehingga menyebabkan kematian.

Langkah-langkah kawalan dan pencegahan denggi yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah melalui pemantauan kes-kes yang dilaporkan secara harian di seluruh negara; melaksanakan aktiviti kawalan secara berkesan keatas setiap kes yang dilaporkan; mempertingkatkan aktiviti pencegahan terutama di kawasan yang berisiko tinggi; dan meningkatkan penglibatan masyarakat di dalam aktiviti pencegahan denggi. Kementerian Kesihatan juga telah melaksanakan program-program baru untuk menghalang denggi dari terus meningkat. Berikut adalah tindakan yang telah dilaksanakan iaitu:

1. Melaksanakan “Ops Gempur Aedes” iaitu operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 yang dijalankan pada setiap bulan bermula pada 8 Julai 2013.
2. Melaksanakan kempen Program Ayuh Gempur Aedes Perdana yang dilancarkan pada 5 Januari 2014, oleh YB. Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia.

3. Mengadakan *Dengue Walk About* di lokaliti hotspot denggi yang disertai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
4. Melaksanakan kempen “Jom Hapus Tempat Pembiakan Aedes” di 10 lokaliti hotspot denggi pada 2 Mac 2014 yang diketuai oleh YB. Menteri Kesihatan Malaysia.
5. Mengadakan Mesyuarat Mingguan Wabak Denggi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
6. Melaksanakan halatuju baru program kawalan dan pencegahan denggi Kebangsaan yang mengutamakan penghapusan tempat-tempat pembiakan Aedes.
7. Melaksanakan kaedah kawalan denggi yang baru menerusi kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) iaitu semburan ruang menggunakan kawalan biologi *Bacillus thuringiensis israelensis (Bti)*, semburan ruang menggunakan *temephos* (pembunuh jentik-jentik) dan menggunakan perangkap nyamuk Autocidal Ovitrap.
8. Memastikan bekalan *temephos* untuk orang awan mudah diperolehi dengan kerjasama daripada syarikat pengeluar.
9. Menambah bilangan Klinik Kesihatan yang memberi perkhidmatan *Extended Hour* kepada 72 Klinik Kesihatan di seluruh negara.
10. Memastikan semua hospital mempunyai katil yang cukup untuk menampung peningkatan kemasukkan kes denggi di hospital.

11. Mempertingkatkan penyaluran maklumat denggi kepada orang ramai iaitu melalui kenyataan akhbar mingguan, laman web KKM, laman web iDenggi dan Facebook CPRC KKM.
12. Menjalankan promosi kesihatan tentang denggi di media masa perdana dan media sosial.

Jadual 1: Bilangan Kes Dan Kematian Denggi Mengikut Negeri Bagi Tahun 2013-2014 (Sehingga 23 Februari)

TAHUN NEGERI	2013		2014 Sehingga 23 Februari	
	Kes	Mati	Kes	Mati
PERLIS	226	1	40	0
KEDAH	813	1	142	1
PULAU PINANG	1,053	7	376	3
PERAK	2,519	4	1,133	3
SELANGOR	23,852	24	8,936	11
WP KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA	2,570	8	1,561	3
NEGERI SEMBILAN	1,198	1	1,066	1
MELAKA	1,505	9	592	1
JOHOR	4,828	24	1,064	5
PAHANG	725	2	201	0
TERENGGANU	600	0	180	0
KELANTAN	1,427	2	652	1
SARAWAK	1,292	4	201	0
SABAH	724	5	236	0
WP LABUAN	14	0	3	0
MALAYSIA	43,346	92	16,383	29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT
PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

SOALAN :

YB Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah telah dilakukan Audit Prestasi terhadap sistem-sistem perisian komputer yang dibekalkan kepada Kerajaan seperti e-Perolehan, e-Bahan, *Human Resources Management Information System* (HRMIS) dan termasuk sistem perisian untuk Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Kementerian Pendidikan dan Pengajian Tinggi, sekiranya ada apakah hasilnya.

**JAWAPAN: YB DATUK JOSEPH ENTULU ANAK BELAUN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Audit Negara melaksanakan Auditan Prestasi terhadap sistem-sistem perisian komputer bagi menyemak aspek

kawalan dalaman, penggunaan sistem, reka bentuk sistem dan pencapaian integrasi. Auditan Prestasi dilaksanakan dari semasa ke semasa setiap tahun dan hasil auditan dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Hasil penemuan Auditan Prestasi ini dijadikan petunjuk kepada agensi-agensi Kerajaan bagi mengambil tindakan pembetulan dengan melaksanakan program pengurusan perubahan (*change management*), pembetulan pengaturcaraan dan menambahbaik modul-modul, antara lain termasuklah Sistem e-Perolehan dan Sistem Pengurusan Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
(ALOR SETAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.04.2014

Y.B. TUAN GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk

menyiasat dan menangani "*illicit capital outflow*" negara seperti didedahkan dalam Laporan

Global Financial Integrity terbaru yang dikeluarkan pada Disember 2013.

JAWAPAN

Saya memohon untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Jasin bersama-sama dengan soalan dari Yang Berhormat Alor Setar yang dijadualkan dijawab pada hari ini kerana kedua-duanya menyentuh perkara dan isu yang sama.

2. Laporan yang dikeluarkan oleh Global Financial Integrity (GFI) yang menganggar 'aliran kewangan yang tidak direkodkan' sebagai 'aliran kewangan haram' adalah tidak tepat. Kesahihan kaedah yang digunakan oleh GFI untuk menganggar jumlah aliran kewangan haram meragukan. Akibatnya, jumlah yang dinyatakan oleh GFI ternyata terlebih anggar dengan ketara.

3. Perlu ditekankan bahawa GFI bukanlah sebuah badan yang pakar dalam menilai aliran kewangan antarabangsa. Isu aliran keluar wang haram tidak pernah dikenalpasti sebagai suatu masalah besar dalam perbincangan antara pihak berkuasa negara dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia (World Bank).

4. Kerajaan sangat memandang serius terhadap sebarang kegiatan yang melanggar undang-undang dan peraturan negara. Pelbagai langkah pencegahan telah pun diambil oleh Kerajaan untuk membanteras aliran keluar kewangan haram. Kerjasama antara agensi berhubung isu aliran keluar kewangan haram telah bermula seawal tahun 2008 lagi (sebelum

laporan GFI diterbitkan), dan diselaraskan oleh Pasukan Petugas Khas Pelbagai Agensi Peringkat Tinggi (Pasukan Petugas).

5. Langkah-langkah yang telah diambil tertumpu kepada rangka kerja pengawalseliaan, memperhebatkan usaha penguatkuasaan dan mempertingkatkan mekanisme pengawasan. Langkah-langkah ini telah memberikan hasil positif dan akan terus diperhebat.

6. Sejak tahun 2011, sebanyak 104 kes telah disiasat di bawah usaha sama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia untuk membanteras kegiatan pengelakan cukai dan duti kastam. Usaha sama ini telah menghasilkan peningkatan pungutan cukai dan duti agensi terbabit.

7. Akta Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA 2001) juga sedang diperkukuhkan, antaranya:

- a. Memperkukuh langkah-langkah untuk menguatkuasakan pengisytiharan wang tunai dan instrumen pembawa boleh niaga masuk dan keluar sempadan Malaysia;

- b. Memperkukuh dan menyelaraskan kuasa penyiasatan dan pendakwaan di bawah AMLATFA 2001 bagi kes-kes yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan; dan
- c. Memenuhi syarat-syarat piawaian antarabangsa dan memberi penerangan tentang syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh institusi yang membuat laporan.

8. Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah menguatkuasakan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (APPW 2011). APPW 2011 melengkapkan lagi langkah-langkah yang dilaksanakan di bawah AMLATFA 2001, bagi memperkukuh perlindungan negara daripada kegiatan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, serta aktiviti haram yang lain.

Sehingga kini:

- a. Bilangan pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang telah dikurangkan kepada 474 daripada 839 berikutan langkah pelesenan semula semua perniagaan perkhidmatan wang di bawah APPW 2011;
- b. 97 lesen perniagaan perkhidmatan wang telah dibatalkan oleh pihak BNM atas pelbagai kesalahan, termasuk penglibatan dalam pemindahan dana secara haram;

- c. 80 pemegang lesen telah dikompaun kerana melanggar peruntukan pelbagai undang-undang; dan
- d. 47 syarikat telah didakwa di mahkamah atas kesalahan menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang secara haram (40 daripadanya telah disabitkan kesalahan dan dikenakan tindakan yang sewajarnya).
- e. Pada masa yang sama, bilangan peserta industri yang layak untuk menawarkan perkhidmatan pengiriman wang berlesen telah meningkat. Buat masa ini, terdapat 34 penyedia perkhidmatan pengiriman wang berlesen dan 132 ejen yang menyediakan perkhidmatan pengiriman wang melalui lebih daripada 1,800 premis yang beroperasi di seluruh negara.

9. Menyedari kepentingan menangani aliran kewangan yang berkaitan dengan aktiviti luar aturan (*irregular activities*), usaha berterusan yang konkrit dan bersepadu antara agensi penguatkuasaan termasuk agensi-agensi antarabangsa akan terus dilaksanakan bagi memastikan sistem kewangan Malaysia berintegriti dan stabil.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)
DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]

SOALAN :-

Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) berapakah rumah mampu milik yang akan dibina di Parlimen Sepang dan berapa harga seunit rumah tersebut; dan
- (b) mengapakah sehingga kini Kerajaan tidak ambil tindakan untuk membantu mangsa pembeli rumah di Taman Indah KLIA yang mengalami masalah tanah mendap.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada masa kini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tiada perancangan untuk melaksanakan projek baru PPR di Parlimen Sepang, Walau bagaimanapun, melaksanakan projek PPR di Parlimen Sepang boleh dipertimbangkan jika terdapat keperluan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

- (b) Jabatan ini telah menyiasat perkara tersebut dan mendapati projek tersebut yang dimajukan oleh Sin Hee Yang Property Management Sdn. Bhd. telah mendapat Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 7 Disember 2009. Memandangkan tempoh tanggungan kecacatan (DLP) telah tamat, pihak Jabatan mencadangkan pembeli rumah merujuk aduan tersebut kepada Pihak Berkuasa yang meluluskan pelan bangunan iaitu Majlis Perbandaran Sepang serta jurutera perunding bagi projek tersebut.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

SOALAN : 39

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian untuk melatih belia rakyat Malaysia untuk menggantikan pegawai-pegawai asing yang berjumlah lebih 40,000 pelaut asing yang sedang mengendalikan kapal-kapal dagang yang berdaftar di bawah bendera Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, jumlah pelaut asing yang berdaftar dengan Jabatan Laut Malaysia adalah seramai 9,596 orang. Walau bagaimanapun jumlah pelaut asing yang sedang berkhidmat di atas kapal Malaysia berdasarkan Perjanjian Anak Kapal yang masih aktif pula, adalah seramai 6,205 orang sahaja. Oleh yang demikian, kenyataan bahawa seramai 40,000 pelaut asing mengendalikan kapal dagang Malaysia adalah tidak tepat.

Dalam pada itu, jumlah pelaut tempatan yang berdaftar pula adalah seramai 45,443 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 6,032 orang bekerja di atas kapal Malaysia. Memandangkan industri perkapalan merupakan industri antarabangsa, ramai pelaut tempatan turut berkhidmat di atas kapal-kapal asing di seluruh dunia.

Dalam pada itu sebagai sebahagian usaha untuk menambah pelaut tempatan, Jabatan Laut Malaysia telah meluluskan sebanyak 34 buah institut latihan maritim di seluruh Malaysia untuk melatih belia-belia yang berminat untuk menceburi kerjaya sebagai pelaut. Institut latihan ini menawarkan kursus latihan untuk pelaut di peringkat pelaut am sehingga ke peringkat pegawai.

Di samping itu, bermula dari tahun 2010, Jabatan Laut Malaysia telah memberi tawaran biasiswa kepada pelaut-pelaut Malaysia yang sedang

berkhidmat untuk meningkatkan taraf kompetensi mereka ke peringkat pegawai.

Sebagai tambahan, Kementerian melalui Jabatan Laut giat mempromosikan kerjaya dalam bidang maritim melalui media sosial, kempen kesedaran dan taklimat-taklimat kerjaya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
(JASIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.04.2014

Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan sebenar tentang ketirisan dan '*black money*' yang dikatakan berleluasa sepertimana yang dilaporkan oleh *Global Financial Index* (GFI) dan dihebohkan oleh pihak pembangkang.

JAWAPAN

DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH (JASIN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7.04.2014

YB DATUK WIRA HAJI AHMAD HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan kedudukan sebenar tentang ketirisan dan 'black money' yang dikatakan berleluasan sepertimana yang dilaporkan oleh Global Financial Index (GFI) dan dihebohkan oleh pihak pembangkang.

DAIPADA : YB GOOI HSIAO-LEUNG (ALOR SETAR)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7.04.2014

YB GOOI HSIAO-LEUNG [ALOR SETAR] minta **MENTERI KEWANGAN** apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyiasat dan menangani "illicit capital outflow" negara seperti didedahkan dalam Laporan Global Financial Integrity terbaru yang dikeluarkan pada Disember 2013.

Tuan Yang Di Pertua,

1. Laporan yang dikeluarkan oleh Global Financial Integrity (GFI) yang menganggar 'aliran kewangan yang tidak direkodkan' sebagai 'aliran kewangan haram' adalah tidak tepat. Berdasarkan kaedah yang digunakan oleh GFI. Akibatnya, jumlah yang dinyatakan oleh GFI ternyata terlebih anggar dengan ketara.

2. GFI bukanlah sebuah badan yang pakar dalam menilai aliran kewangan antarabangsa. Isu aliran keluar wang haram tidak pernah dikenalpasti sebagai suatu masalah besar dalam perbincangan antara pihak berkuasa negara dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia (World Bank).

3. Kerajaan sangat memandang serius terhadap sebarang kegiatan yang melanggar undang-undang dan peraturan negara. Pelbagai langkah pencegahan telah pun diambil oleh Kerajaan untuk membanteras aliran keluar kewangan haram. Kerjasama antara agensi berhubung isu aliran keluar kewangan haram telah bermula seawal tahun 2008 lagi (sebelum laporan GFI diterbitkan), dan diselaraskan oleh Pasukan Petugas Khas Pelbagai Agensi Peringkat Tinggi (Pasukan Petugas).

4. Langkah-langkah yang telah diambil tertumpu kepada rangka kerja pengawalseliaan, usaha penguatkuasaan dan mekanisme pengawasan. Langkah-langkah ini telah memberikan hasil positif dan akan terus diperhebat.

5. Sejak tahun 2011, sebanyak 104 kes telah disiasat di bawah usaha sama Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Kastam Diraja Malaysia untuk membanteras kegiatan pengelakan cukai dan duti kastam. Usaha sama ini telah menghasilkan peningkatan pungutan cukai dan duti agensi terbabit.

6. Akta Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA 2001) juga sedang disemak, antaranya dengan:

- i. Memperkukuh langkah-langkah untuk menguatkuasakan pengisytiharan wang tunai dan instrumen pembawa boleh niaga masuk dan keluar sempadan Malaysia;
- ii. Memperkukuh dan menyelaraskan kuasa penyiasatan dan pendakwaan di

bawah AMLATFA 2001 bagi kes-kes yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan; dan

iii. Memastikan syarat-syarat piawaian antarabangsa dipatuhi dan penerangan tentang syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh institusi yang membuat laporan.

7. Pada masa yang sama, Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah menguatkuasakan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (APPW 2011). APPW 2011 melengkapkan lagi langkah-langkah yang dilaksanakan di bawah AMLATFA 2001, bagi memperkukuh perlindungan negara daripada kegiatan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, serta aktiviti haram yang lain.

sehingga kini:

i. Bilangan pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang telah dikurangkan kepada 474 daripada 839 berikutan langkah pelesenan semula semua perniagaan perkhidmatan wang di bawah APPW 2011;

ii. 97 lesen perniagaan perkhidmatan wang telah dibatalkan oleh pihak BNM atas pelbagai kesalahan, termasuk penglibatan dalam pemindahan dana secara haram;

iii. 80 pemegang lesen telah dikompaun kerana melanggar peruntukan

- pelbagai undang-undang; dan
- iv. 47 syarikat telah didakwa di mahkamah atas kesalahan menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang secara haram (40 daripadanya telah disabitkan kesalahan dan dikenakan tindakan yang sewajarnya).
 - v. Pada masa yang sama, bilangan peserta industri yang layak untuk menawarkan perkhidmatan pengiriman wang berlesen telah meningkat. Buat masa ini, terdapat 34 penyedia perkhidmatan pengiriman wang berlesen dan 132 ejen yang menyediakan perkhidmatan pengiriman wang melalui lebih daripada 1,800 premis yang beroperasi di seluruh negara.
8. Menyedari kepentingan menangani aliran kewangan yang berkaitan dengan aktiviti luar aturan (*irregular activities*), usaha berterusan yang konkrit dan bersepadu antara agensi penguatkuasaan termasuk agensi-agensi antarabangsa akan terus dilaksanakan bagi memastikan sistem kewangan Malaysia berintegriti dan stabil.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN
SHAH [KUALA TERENGGANU]
TARIKH : 7 APRIL 2014
SOALAN :

YB Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk meningkatkan kesediaan dan kemampuan hospital-hospital besar Kerajaan menampung keperluan pesakit yang semakin ramai memerlukan rawatan memandangkan laporan pada bulan Februari 2014 menyatakan sepuluh peratus (10%) rakyat Malaysia sekarang ini memerlukan rawatan kesihatan hospital dan dengan keadaan harga barang-barang yang naik memaksa lebih ramai orang ke hospital Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam meningkatkan kesediaan dan kemampuan di hospital Kerajaan bagi menampung keperluan pesakit yang semakin ramai, pihak kementerian telah mengambil langkah-langkah seperti:

- 1) Menambah bilangan katil pesakit dengan membangunkan lebih banyak hospital. Sebanyak **22** buah hospital baru dan gantian telah siap dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dengan penambahan sebanyak **6,258** buah katil pesakit. Bagi Rancangan Malaysia Ke-10, sebanyak **18** buah hospital baru dan gantian telah dirancang (5 buah hospital telah siap dibina), dengan jumlah penambahan sebanyak **lebih daripada 3,178** buah katil.

- 2) Mempertingkatkan bilangan pakar dan Pegawai Perubatan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Bilangan Pegawai Perubatan KKM telah meningkat kepada **27,478** orang pada tahun 2012 berbanding **22,429** Pegawai Perubatan pada tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **3,425** orang adalah pakar yang terlatih dalam bidang kepakaran masing-masing pada tahun 2012, berbanding **2,958** orang pakar pada tahun 2010.

- 3) Mengurangkan keperluan bagi rawatan secara pesakit dalam dengan mempertingkatkan dan memperluaskan perkhidmatan Rawatan Harian ke hospital-hospital seluruh Negara. Sebagai contoh, Pusat Rawatan Ambulatori (Rawatan Harian) telah dibangunkan di 7 buah hospital. Ini dapat mengurangkan jumlah kemasukan pesakit ke hospital dan kesesakan di wad kerana pesakit akan dibenarkan pulang ke rumah pada hari yang sama jika stabil. Dengan peningkatan pengalaman dan kemahiran yang ada pada pakar-pakar perubatan dan pembedahan, akan lebih banyak prosedur yang dapat dilakukan berkonsepkan Rawatan Harian.

- 4) Sebanyak 33 buah hospital telah melaksanakan perkhidmatan pembedahan hari Sabtu bertujuan mengurangkan masa menunggu pembedahan terutamanya kes-kes pembedahan elektif dan memenuhi keperluan pesakit yang semakin ramai.
- 5) Menggalakkan Pakar Perubatan dari Institut Pengajian Tinggi Awam / Swasta memberikan perkhidmatan perubatan di hospital-hospital KKM tanpa pakar termasuklah yang berada di kawasan luar bandar, di mana penuntut-penuntut perubatan mereka menjalani latihan. Contohnya, kerjasama Hospital Tapah dengan Universiti Tuanku Abdul Rahman; dan Hospital Tanjong Karang dengan Kolej Universiti MAHSA. Ini akan mengurangkan jumlah rujukan pesakit ke hospital berpakar KKM dan juga membantu mengurangkan kesesakan di hospital tersebut.
- 6) Menyediakan perkhidmatan tertentu di luar kompleks hospital seperti pembedahan minor kataraks seperti yang dilakukan oleh Hospital Selayang melalui kerjasama dengan agensi Kerajaan lain dan syarikat swasta.
- 7) Menggalakkan kerjasama *networking* di antara hospital berpakar dengan hospital tanpa pakar, di mana pakar-pakar memberi perkhidmatan pesakit dalam setiap hari di hospital tanpa pakar bagi meningkatkan akses perkhidmatan kepakaran kepada penduduk di kawasan luar bandar dan sekaligus mengurangkan rujukan pesakit dan permintaan katil di hospital berpakar. Contohnya, kerjasama di antara Hospital Melaka dengan Hospital Jasin; dan Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar dengan Hospital Jitra.

- 8) Menggalakkan perkhidmatan *Home Care Nursing*, di mana pesakit yang telah menjalani prosedur tertentu di hospital didiscaj awal dan disusuli dengan lawatan pasukan *Home Care Nursing* dari Hospital berkaitan bagi memastikan keadaan pesakit adalah stabil dan memuaskan sebagai contoh Hospital Seberang Jaya menyediakan perkhidmatan ini.

- 9) Menggalakkan perkhidmatan *Home Based Palliative Care*, di mana pesakit yang mempunyai penyakit kronik seperti kanser menerima rawatan di rumah oleh pasukan *Palliative Care* dan pesakit tidak perlu dirawat di hospital sebagai contoh Hospital Kuala Lumpur, Hospital Selayang dan Hospital Pulau Pinang menyediakan perkhidmatan ini.

- 10) Menggalakkan perkhidmatan *Community Rehabilitation Psychiatric Care*, di mana pesakit yang mempunyai penyakit mental menerima lawatan dan rawatan susulan di rumah oleh pasukan *Community Rehabilitation Psychiatric Care* bagi memastikan pesakit patuh kepada regim rawatan bagi mengurangkan berlakunya episod akut psikotik bagi pesakit yang memerlukan pesakit dirawat di hospital sebagai contoh Hospital Kuala Lumpur, Hospital Selayang dan Hospital Pulau Pinang menyediakan perkhidmatan ini.

- 11) KKM juga telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mengurangkan masa menunggu tuntutan ubat di hospital di seluruh Negara dan juga kos perjalanan bagi pesakit dan penjaga antaranya adalah:

- i. Sistem pembekalan ubat-ubatan (SPUB) merupakan perkhidmatan, di mana pesakit boleh mendapatkan baki bekalan ubat seterusnya dari mana-mana fasiliti kesihatan KKM yang tersenarai dalam Direktori SPUB KKM melalui sistem rujukan yang seragam di seluruh negara.
- ii. Perkhidmatan Ubat Melalui Pos 1Malaysia (UMP 1Malaysia) ialah perkhidmatan pembekalan ubat susulan terus ke lokasi pilihan pesakit melalui pos dengan caj kiriman yang telah ditetapkan bagi mereka yang memenuhi kriteria tertentu.
- iii. Perkhidmatan Sistem Temujanji merupakan satu alternatif kepada sistem pendispensan, di mana pesakit boleh menggunakan medium seperti telefon, SMS, e-mel, faks dan juga kad temujanji untuk memaklumkan tarikh temujanji bagi mendapatkan bekalan ubat susulan pesakit. Ubat-ubatan pesakit akan disediakan sekurang-kurangnya beberapa hari sebelum tarikh temujanji. Pesakit boleh mendapatkan ubat sama ada daripada kaunter ataupun farmasi pandu lalu yang terdapat di hospital yang terlibat.

Bagi memperkukuhkan lagi sistem kesihatan untuk menampung bilangan pesakit yang meningkat ini, KKM juga turut memberi fokus untuk menyusun dan memperbaiki proses kerja di hospital-hospital KKM agar lebih efisien dan lancar sebagai contoh inisiatif mengurangkan waktu menunggu untuk berjumpa dengan Pegawai Perubatan di klinik pakar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

SOALAN : 42

Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULIMEDIA** menyatakan menyatakan syarikat-syarikat swasta yang telah mendapat kontrak utama projek fasa satu dan dua Jalur Lebar Kelajuan Tinggi (HSBB).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Projek HSBB Fasa 1 telah dilaksanakan oleh Telekom Malaysia (TM). TM selaku pelaksana projek telah melantik 873 buah syarikat swasta yang telah ditawarkan dan diberikan kontrak.

Daripada jumlah keseluruhan syarikat terbabit, 55% daripada kontrak tersebut telah dianugerahkan kepada syarikat Bumiputera, 40% diserahkan kepada syarikat bukan Bumiputera dan baki 5% lagi telah diberikan kepada syarikat asing luar negara. Syarikat-syarikat besar yang telah diberikan kontrak berdasarkan tender yang dikeluarkan

SOALAN NO: 42

adalah Huawei, ZTE, Alcatel-Lucent, Accenture, Ibil, Fujikura, Opcom dan Fiberhome.

Bagi pelaksanaan HSBB Fasa 2, projek tersebut dijangka akan bermula pada tahun ini dan setakat ini tiada sebarang proses perolehan dibuat oleh pihak TM.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa]**

TARIKH : **7.4.2014**

SOALAN :

Y.B. Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah Kolej Komuniti dan Giat MARA yang dibina di seluruh Malaysia mengikut negeri-negeri dan berapakah kos keseluruhan pembinaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga bulan Mac 2014, terdapat sebanyak 90 buah Kolej Komuniti di 13 buah negeri. Pecahan jumlah kolej komuniti mengikut negeri adalah seperti berikut:

No.	Negeri	Jumlah
1.	Perlis	1
2.	Terengganu	3
3.	Kelantan	3
4.	Negeri Sembilan	4
5.	Melaka	6
6.	Sarawak	6
7.	Pulau Pinang	6
8.	Sabah	8
9.	Kedah	9
10.	Selangor	9
11.	Pahang	10
12.	Johor	12

13.	Perak	13
	Jumlah Keseluruhan	90

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 54 buah kolej komuniti telah mempunyai premis tetap dan 36 buah kolej komuniti adalah premis secara sewaan. Jumlah kos keseluruhan pembangunan termasuk kerja-kerja pengubahsuaian dan peralatan Kolej Komuniti dari tahun 2001 sehingga kini telah mencecah lebih RM1.7 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Giat Mara bukan di bawah bidang kuasa KPM.

Rjm113

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)
DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
[KAMPAR]

SOALAN :-

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pihak yang menyediakan laporan kesan alam sekitar berhubung insinerator sampah di Kepong dan apakah kesannya ke atas penduduk dan alam sekitar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar Terperinci (DEIA) bagi projek *Waste to Energy* di Tapak Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Taman Beringin, Kepong akan disediakan oleh perunding daripada Universiti Teknologi Malaysia iaitu Uni Technology Sdn Bhd). Kajian ini dijangka mengambil masa 9 bulan untuk disiapkan dan akan bermula pada bulan April 2014. Kajian DEIA ini akan memberi tumpuan kepada pelbagai perkara antaranya pencemaran udara, air, bau, bunyi, gegaran, aliran kenderaan, guna tenaga dan sosio-ekonomi.

Kesan pembinaan loji *Waste to Energy* ini kepada kesihatan penduduk dan alam sekitar hanya akan diketahui apabila Kajian DEIA siap kelak. Bagaimanapun, Kerajaan akan memastikan bahawa teknologi yang bakal digunakan adalah mesra alam, selamat, modern dan terbukti keberkesanannya.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
April 2014

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah penggunaan *Nuclear Power Station* sebagai langkah mengurangkan tenaga dan kos pada masa akan datang boleh dipertimbangkan. Ini kerana telah banyak kajian yang telah dijalankan oleh pelajar-pelajar yang mengambil pengajian bioteknologi di dalam dan luar negara mengenai keberkesanan sumber nuklear serta penjimatan berganda yang dapat dihasilkan oleh stesen jana kuasa tersebut.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Pertimbangan terhadap penggunaan tenaga nuklear untuk penjanaan elektrik telah pun dikenalpasti dan dimasukkan dalam Dasar Baru Tenaga (2011-2015) seperti yang terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) dan telah dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat pada tahun 2010. Dasar Baru Tenaga ini telah menyatakan bahawa pembangunan tenaga nuklear akan dipertimbangkan sebagai salah satu pilihan sumber tenaga jangka panjang untuk penjanaan elektrik, khususnya di Semenanjung, bagi memastikan bekalan yang andal dan berkesan kos, atau dengan izin, *cost-effective*.

Secara keseluruhannya, Dasar Baru Tenaga ini memberi tumpuan kepada lima (5) tunggak strategi, iaitu pelaksanaan inisiatif pembekalan dan pengurusan sumber tenaga yang andal, pelaksanaan inisiatif kecekapan tenaga, penetapan harga berasaskan pasaran, pengukuhan tadbir urus, dan pengurusan perubahan. Selain daripada pertimbangan terhadap penggunaan tenaga nuklear, Dasar Baru Tenaga ini juga menekankan pembangunan sumber tenaga alternatif, khususnya kuasa hidro, serta pengimportan arang batu dan gas asli cecair (LNG), untuk mempertingkatkan jaminan bekalan tenaga negara.

Bagi mengurangkan lagi pelepasan karbon dioksida, penggunaan teknologi arang batu yang mesra alam juga akan diteroka bagi

pembangunan loji janakuasa baru, di samping pembangunan tenaga nuklear. Beberapa inisiatif baru yang berteraskan kepada Dasar dan Pelan Tindakan Sumber Tenaga Boleh Diperbaharu akan dilaksanakan untuk mencapai sasaran penjanaan elektrik daripada sumber tenaga boleh diperbaharui di bawah RMK10.

Selaras dengan Dasar Baru Tenaga ini, satu Projek Permulaan, atau, dengan izin, *Entry Point Project* (EPP), untuk penggunaan tenaga nuklear bagi penjanaan kuasa elektrik telah juga dirumuskan sebagai EPP kesebelas di bawah sektor Minyak, Gas dan Tenaga (OGE) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP). Di bawah Projek Permulaan EPP11 ini, Kerajaan sedang melaksanakan satu siri kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan persediaan awal negara, sekiranya projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Aktiviti yang sedang dilaksanakan tertumpu kepada kajian menyeluruh tentang kesediaan infrastruktur perundangan dan kawalseliaan nuklear negara, dan Kajian Kemungkinan, atau, dengan izin, *Feasibility Study*, termasuk penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear, atau, dengan izin, *Nuclear Power Infrastructure Development Plan* (NPIDP). Tinjauan pendapat umum terhadap penggunaan tenaga nuklear juga akan dilaksanakan.

Tujuan kajian-kajian ini dilaksanakan adalah untuk memastikan bahawa, semua aspek persediaan telah diambilkira secara terperinci dan komprehensif lebih awal, sekiranya penjanaan kuasa nuklear diperlukan bagi memenuhi permintaan tenaga negara pada masa hadapan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar]
TARIKH : 7.4.2014
SOALAN :

Y.B. Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan tindakan dan langkah-langkah bagi menyelesaikan permasalahan berkaitan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS), khususnya bagi memastikan sistem tersebut adalah mesra pengguna, bagi memudahkan para guru dan sejurusnya meningkatkan kecekapan sistem pengajaran dan pembelajaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penambahbaikan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) telah dilaksanakan mulai 1 April 2014 berikutan hasil kajian semula PBS. yang melibatkan pelbagai pihak *stakeholder* 2014 dengan penambahbaikan seperti berikut:

- i. Menggantikan penggunaan Dokumen Standard Prestasi (DSP) dengan Panduan Perkembangan Pembelajaran Murid. Guru juga tidak perlu menyediakan Fail Perkembangan Murid (FPM) dan melengkapkan Rekod Transit. Perekodan perkembangan pembelajaran murid boleh dilakukan mengikut kesesuaian guru;
- ii. Bagi memastikan guru memberi fokus terhadap pengajaran dan pembelajaran, guru tidak perlu lagi mengisi data penguasaan murid menerusi SPPBS secara *on line* seperti sebelum ini. Guru boleh merekodkan perkembangan pembelajaran murid secara offline.

Pihak sekolah akan mengadakan ujian bulanan, peperiksaan pertengahan tahun atau peperiksaan akhir tahun sekolah yang dapat memberi gambaran kepada ibu bapa tentang tahap pencapaian anak mereka. Guru akan menyediakan pelaporan perkembangan pembelajaran murid untuk memaklumkan kepada ibu bapa.

- iii. Penilaian Menengah Rendah (PMR) di Tingkatan 3 akan digantikan dengan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Ini bermakna tiada peperiksaan berpusat untuk pelajar Tingkatan 3. Melalui pentaksiran, pihak sekolah akan mentadbir, mentaksir dan memberi skor terhadap pentaksiran tersebut berpandukan instrumen dan panduan peraturan penskoran yang setara (standardised) yang disediakan oleh pihak Lembaga Peperiksaan (LP). Pentaksir luar yang dilantik oleh LP akan melaksanakan verifikasi dan LP akan melaksanakan moderasi sebelum pelaporan dikeluarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan PBS yang telah ditambahbaik ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, KPM akan mengadakan taklimat secara terperinci tentang konsep dan pelaksanaannya kepada pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, pentadbir dan guru-guru. KPM juga akan mengadakan latihan supaya guru memahami konsep pentaksiran dan mengamalkannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan kemahiran guru memeriksa jawapan murid.

NO. SOALAN : 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

SOALAN :

TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status di Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZONE) terkini. RM200 juta telah peruntukkan untuk ESSZONE, berapa telah dibelanjakan setakat ini. Adakah peruntukkan tambahan diperlukan untuk ESSZONE.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Status terkini keselamatan di ESSZONE amat menyakinkan bukan sahaja kepada penduduk tempatan malah kepada para pelancong dari dalam dan luar negara. Setelah hampir setahun penubuhan ESSCOM, kini organisasi tersebut telah diberi mandat untuk menyelaraskan operasi PDRM yang melibatkan beberapa buah pos kawalan. Manakala ESSCOM dimandatkan sebanyak 2 Batalion Briged ESSCOM ATM untuk menyelaraskan operasi ATM. Beberapa buah kapal dan bot juga telah diletakkan di bawah kawalan operasi Bahagian Penguatkuasaan Maritim (APMM), ESSCOM. APMM juga akan menambahkan jumlah pos maritim di Pantai Timur Sabah di samping menambah aset sedia ada. Operasi dilaksanakan di daratan, maritim dan juga ruang udara.

2. Agensi-agensi keselamatan juga akan mempertingkatkan bilangan anggota yang akan ditempatkan di kesemua pos-pos kawalan yang terletak di sepanjang perairan pantai timur Sabah. Penambahan aset dan sumber manusia serta koordinasi yang baik di antara agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan dengan ESSCOM diharap akan dapat mempertingkatkan kawalan serta pencegahan pencerobohan dan juga rompakan di sepanjang kawasan ini.

3. Kebarangkalian untuk berlaku pencerobohan baru seperti yang telah berlaku di Tanduo, Lahad Datu pada 12 Februari 2013 adalah rendah. Namun demikian, jenayah rentas sempadan dijangka akan terus berlaku dari semasa ke semasa dan ESSCOM bertekad untuk mengurangkan jenayah rentas sempadan di ESSZONE dengan mempertingkatkan *virtual presence and deterrence* dan operasi penguatkuasaan.

Sekian. Terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]
TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)
SOALAN : Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan menjelaskan kadar pengimportan daging ke dalam negara setiap tahun mengikut jenis-jenisnya serta negara asalnya dan sejauh manakah kawalan Kerajaan terhadap daging yang diimport supaya tidak ada pemalsuan seperti daging rusa palsu dan sebagainya sebagaimana yang pernah ditemui sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Negara telah mengimport daging untuk kegunaan dalam negara iaitu:

2010	-	156,917 tan metrik
2011	-	175,894 tan metrik
2012	-	176,376 tan metrik
2013	-	208,408 tan metrik

Negara telah mengimport daging lembu, kerbau dan kambing dari Australia, New Zealand dan India. Pengimportan keratan daging ayam pula diperolehi dari China, Thailand dan Denmark. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani amat menitikberatkan aspek kepastian kualiti termasuk aspek halal terhadap daging yang diimport agar sesuai dan selamat untuk dimakan oleh pengguna di Malaysia. Langkah-langkah kawalan yang telah diambil oleh pihak Kementerian terhadap

daging dan produk hasilan daging yang diimport ke Malaysia bagi memastikan ia adalah selamat serta bebas dari pemalsuan adalah seperti berikut:

- (i) pengimportan mematuhi protokol import yang dikuatkuasakan;
- (ii) pengimportan hanya dibenarkan dari rumah sembelih dan loji pemprosesan yang telah diperiksa dan diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan juga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi aspek kebersihan dan halal;
- (iii) setiap konsainan pengimportan perlu mengemukakan dokumen sijil kesihatan veterinar;
- (iv) pemeriksaan ke atas konsainan import daging yang dibawa masuk ke Malaysia oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) di pintu-pintu masuk negara; dan
- (v) pengambilan sampel daging dan produk hasilan daging import secara rawak untuk pengujian makmal bagi tujuan pengenalan spesies sekiranya diperlukan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 07.04.2014 (ISNIN)

PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]
minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN** menyatakan langkah yang diambil untuk memantau
gejala penyelewengan diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak
seluruh negara dan sejauh mana keberkesanan pemantauan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Langkah-langkah berikut telah dilaksanakan bagi menghalang penyelewengan diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak seluruh negara:

- i) Menetapkan kuota jualan minyak diesel di stesen-stesen minyak. Permohonan tambahan kuota diesel oleh mana-mana syarikat minyak akan dikaji dari semasa ke semasa;
- ii) Mengeluarkan arahan kepada semua stesen minyak agar jualan diesel hanya untuk tangki kenderaan sahaja dan tidak boleh menggunakan bekas atau tong kecuali atas kebenaran Pengawal melalui Permit Barang Kawalan Berjadual (Khas);
- iii) Mengambil tindakan undang-undang kepada pengusaha stesen minyak yang melanggar syarat lesen, iaitu setiap pengusaha hendaklah memastikan bekalan diesel mencukupi setiap masa;
- iv) Mengarahkan syarikat-syarikat minyak mengemukakan maklumat penghantaran minyak ke stesen-stesen bagi memantau mana-mana stesen yang membuat pembelian diesel dalam kuantiti yang meragukan untuk diambil tindakan;
- v) Stesen minyak dalam lingkungan 50 kilometer dari sempadan, dibenarkan menjual diesel tidak melebihi 20 liter kepada kenderaan-kenderaan berpendaftaran asing. Notis larangan juga dipamerkan di semua stesen minyak dan pemilik stesen diwajibkan mematuhi arahan ini;

- vi) Menghadkan waktu operasi stesen minyak dalam lingkungan 10 kilometer dari sempadan sehingga jam 10.00 malam;
- vii) Mewartakan barang kawalan minyak petrol RON95 dan minyak diesel sebagai barangan Larangan Eksport di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011. Peraturan ini berkuatkuasa mulai tahun 2011; dan
- viii) Kementerian telah mengadakan kerjasama dan Operasi Khas dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Ikatan Relawan Rakyat (RELA), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Pasukan Gerakan Am (PGA), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Angkatan Tentera Malaysia bagi mengekang aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi.

Melalui pelaksanaan penguatkuasaan Akta Kawalan Bekalan 1961 dan perundangan subsidiari, pada tahun 2013, sebanyak 59 buah stesen minyak telah diambil tindakan.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
KAWASAN : LANANG
TARIKH : 7 APRIL 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan:-

- (a) berapakah peruntukan yang diberi untuk menaik taraf Jalan Lanang di Sibu dan bilakah ia akan siap serta apakah status perkembangan terkini; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membina 'flyover' di kawasan Lanang dan Sibu memandangkan kesesakan jalan semakin serius di Sibu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan semakan kementerian ini didapati tiada projek-projek membina atau menaiktaraf jalan yang kini sedang dilaksanakan di kawasan Sibu dan Lanang. Walau bagaimanapun, Kementerian ini tetap prihatin dalam membangunkan infrastruktur di Sarawak bagi menyediakan jalinan jalan raya yang baik kepada penduduk setempat. Ini termasuklah peruntukan bagi tujuan penyenggaraan jalan-jalan Persekutuan yang menghubungkan kawasan Sibu dan Lanang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan penyenggaraan bagi kerja-kerja rutin dan berkala yang diluluskan oleh kementerian ini bagi kawasan Sibu dan Lanang secara puratanya adalah sebanyak RM3.16 juta setahun melibatkan jalan persekutuan sepanjang anggaran 182 km.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan setakat ini tidak ada perancangan untuk membina persimpangan bertingkat di laluan utama Jalan persekutuan di Sibu dan Lanang. Ini kerana tahap perkhidmatan kesesakan atau level of service (LOS) di laluan berkenaan masih lagi terkawal. Berdasarkan Bancian Trafik Kebangsaan 2013, jumlah kenderaan di Jalan Persekutuan di sekitar Sibu dan Lanang ialah 20,000 kenderaan sehari. Walau bagaimanapun, kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan pihak polis dan pihak berkuasa tempatan untuk mengurangkan kesan

kesesakan di Sibuh dan Lanang melalui aspek penguatkuasaan undang-undang dan pengurusan trafik yang lebih berkesan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]
TARIKH : 7.04.2014 (ISNIN)

TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL] minta
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan:-

- (a) Jumlah kes yang dibawa ke mahkamah melalui Ops Harga; dan
- (b) Berapakah barangan yang mengalami penurunan harga pasca Ops Harga selain daripada harga kangkung.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Kerajaan sentiasa memastikan peningkatan harga barangan keperluan harian rakyat adalah terkawal kerana ianya boleh memberi kesan kepada kos sara hidup rakyat terutama rakyat berpendapatan rendah dan di kawasan luar bandar. Oleh itu, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sentiasa mempertingkatkan penguatkuasaan dengan mempergiatkan lagi pemeriksaan dan pemantauan yang rapi dan menyeluruh ke atas premis-premis perniagaan di seluruh negara yang bertujuan untuk memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan memanipulasikan harga serta memastikan peniaga mematuhi perundangan yang telah dikuatkuasakan.

Bagi mana-mana peniaga yang didapati menaikkan harga barangan secara mendadak dan ketara, KPDNKK akan memberi notis kepada peniaga tersebut mengikut peraturan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Menurut Akta Kawalan Harga dan Antipecatutan 2011, mencatut bermaksud membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah. Peniaga yang melakukan kesalahan akan diminta memberi penjelasan kepada KPDNKK rasional mereka menaikkan harga secara mendadak.

Pada 16 Februari 2014, satu kes telah didakwa di Mahkamah Seksyen Kota Bharu atas kesalahan gagal meletakkan tanda harga dimana peniaga berkenaan telah disabit kesalahan dan didenda sebanyak RM8,000.00.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian masih lagi melaksanakan Ops Harga sehingga kini secara berterusan. Justeru itu, senarai barangan yang mengalami penurunan harga pasca Ops Harga masih belum dapat ditentukan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

DARIPADA : Y.B IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]

SOALAN :-

Y.B IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan akan memperuntukkan kuasa kepada Ahli Parlimen Kerajaan untuk lantikan Yang Dipertua Majlis Perbandaran dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan dan adakah Ahli Parlimen akan turut dijemput hadir mesyuarat penuh majlis.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa melantik Yang di-Pertua (YDP) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Ahli-ahli Majlis adalah terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 10 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Bagi Mesyuarat Penuh Majlis, ianya terbuka kepada umum termasuk Ahli Parlimen seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 23 Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) di mana semua mesyuarat di PBT adalah terbuka kepada orang awam dan wakil akhbar kecuali PBT berkenaan melalui resolusi di dalam Mesyuarat Penuh berkenaan memutuskan sebaliknya. Pada kebiasaannya pihak PBT memerlukan permohonan untuk hadir secara bertulis.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
April 2014

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL
TOYAD ABDULLAH
(MUKAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.04.2014

Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH [MUKAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa unit telah di rancangkan untuk kawasan Mukah dalam peruntukan Rumah Mesra Rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), sebuah Syarikat Milik Penuh Kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan semenjak Ogos 1997,

bertanggungjawab menyediakan rumah mampu milik berkualiti kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Program Rumah Mampu Milik (RMR) yang dilaksanakan oleh SPNB merangkumi jenis rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana dengan nisbah ditetapkan sejajar dengan polisi setiap kerajaan negeri. Rumah - rumah ini dijual pada harga serendah RM42,000 hingga maksimum RM250,000 dan harga rumah sebeginilah yang mendapat tempat di hati rakyat Malaysia khususnya bagi golongan yang berpendapatan rendah hingga sederhana.

Mengikut statistik pada tahun 2005 hingga 2014, SPNB telah menerima 2,869 permohonan dari negeri Sarawak manakala bagi Parlimen Mukah 268 permohonan telah diterima dan kesemuanya telah melalui proses saringan dan penilaian. 129 permohonan telahpun diluluskan sepanjang tempoh tersebut dan 85 unit daripadanya telahpun disiapkan, 6 unit masih dalam pembinaan dan selebihnya masih diperingkat saringan Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC).

Bagi pembangunan Rumah Mesra Rakyat (RMR) di Sarawak, SPNB berkerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak melalui anak syarikatnya iaitu HDC dalam merancang dan melaksanakan pembangunan Program RMR di Sarawak. Kerjasama ini dapat melicinkan proses-proses permohonan dan pembinaan di Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

SOALAN : 54

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dapatkah Kementerian mewujudkan penerbangan secara terus dari Kuching ke Limbang dua kali seminggu iaitu pada awal dan hujung minggu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laluan Kuching ke Limbang bukan sebahagian dari senarai laluan yang diluluskan di bawah Perjanjian Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS). Namun begitu, syarikat MASwings ada menyediakan perkhidmatan daripada Limbang ke Kuching menerusi Miri sebanyak 3 kali sehari atau 21 kali seminggu . Kekerapan 3 kali sehari ini secara tidak langsung memberi banyak pilihan kepada para penumpang untuk memilih hari dan masa yang sesuai untuk merancang perjalanan mereka.

Berhubung mewujudkan penerbangan terus dari Kuching ke Limbang, Kementerian akan memohon kepada syarikat-syarikat penerbangan untuk menimbang cadangan bagi mengadakan perkhidmatan di antara kedua-dua laluan tersebut.

Walau bagaimanapun, cadangan untuk menyediakan penerbangan ke mana-mana destinasi adalah ditentukan oleh syarikat-syarikat penerbangan berdasarkan viabiliti komersial destinasi tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]
TARIKH : 7 APRIL 2014
SOALAN :

YB Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kejayaan MySihat dalam mempromosikan budaya sihat di negara ini dan di persada antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara objektif utama penubuhan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (LPKM) atau akronimnya MySihat adalah untuk memperluaskan bidang promosi kesihatan dengan penglibatan masyarakat secara intensif yang digerakkan bersama melalui pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGO).

MySihat berperanan memacukan pengamalan cara hidup sihat dengan mengambil tindakan atau menganjurkan aktiviti yang dapat memperkukuhkan kemahiran dan kemampuan kesihatan seseorang individu, kumpulan atau masyarakat di samping mempertingkatkan kesedaran sosial dan persekitaran bagi memperbaiki kualiti hidup rakyat Malaysia.

Sehingga kini, MySihat telah mengupayakan lebih kurang 800 pertubuhan termasuk pertubuhan kesihatan, yang berkaitan kesihatan, sukan, rekreasi dan kebudayaan mengenai program dan aktiviti promosi kesihatan. Pertubuhan-pertubuhan tersebut telah melaksanakan program dan aktiviti promosi kesihatan dalam kalangan komuniti setempat masing-masing.

Berdasarkan laporan akhir program yang dikemukakan oleh pertubuhan kepada MySihat, program promosi kesihatan yang dilaksanakan berjaya menunjukkan impak kepada peserta. Contohnya kesan terhadap penurunan berat badan, penurunan paras gula dalam darah dan bacaan tekanan darah dan pencegahan penyakit, penjagaan kesihatan, pencegahan penyakit dan amalan cara hidup sihat dan aktif seperti yang dilaksanakan dalam program dipraktikkan oleh peserta.

MySihat telah meneruskan tumpuan dalam merancang lebih banyak projek berbentuk pro-aktif. Program di bawah geran pro-aktif adalah lebih fokus dan lebih memberikan kesan atau impak yang besar kepada pembangunan bidang promosi kesihatan di Malaysia. Di antara projek pro-aktif yang dianjurkan oleh MySihat adalah Program Intervensi Komuniti Bersepadu Melalui Penglibatan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Ke Arah Mempromosikan Kesihatan dan Pencegahan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD). MySihat mendapati program ini sebagai sesuatu yang menarik dan mempunyai potensi besar untuk dimajukan selaras dengan hasrat MySihat untuk menyokong program yang berasaskan komuniti yang memberi tumpuan kepada isu-isu ketaksamaan kesihatan (health inequality) dari segi jantina, kumpulan etnik, status sosio-ekonomi dan sebagainya. Program ini mendapat kerjasama penuh daripada

Bahagian Kawalan Penyakit (NCD), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan sokongan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) yang bertanggungjawab melatih sukarelawan untuk menggerakkan program ini. Pengawasan dan pemantauan program dilakukan dari semasa ke semasa oleh anggota dari fasiliti kesihatan yang berdekatan bagi memastikan program ini berjalan dengan baik dan terurus.

MySihat juga memainkan peranan yang aktif dalam merencanakan inisiatif Bebas Asap Rokok di Malaysia seperti program Bandaraya Bebas Asap Rokok, Tapak Warisan Bebas Asap Rokok dan Universiti Bebas Asap Rokok. Melaka merupakan negeri pertama yang telah diisytiharkan sebagai Melaka Bebas Asap Rokok (MBAR). Selain itu, terdapat beberapa negeri lain yang masih dalam peringkat pelaksanaan seperti Johor untuk Projek Johor Bebas Asap Rokok (JBAR), Sarawak untuk Projek Mulu Bebas Asap Rokok (MuHBAR), Pulau Pinang untuk Program Zon Bebas Asap Rokok Pulau Pinang (PENBAR), Kelantan untuk projek Kota Bharu Smoke Free Initiative, Kelantan.

The Blue Ribbon Campaign merupakan anugerah berprestij yang memberi pengiktirafan dan penghormatan kepada individu dan organisasi yang telah memberi sumbangan besar dalam usaha untuk melindungi nyawa orang awam daripada bahaya asap rokok melalui usaha advokasi ke arah mewujudkan 100% kawasan bebas asap rokok.

Selaras dengan konsep *moving forward* yang ditekankan oleh MySihat, pendekatan untuk melaksanakan projek proaktif semakin rancak dilaksanakan terutama pada tahun 2012. Salah satu program tersebut adalah program Senam Cergas Sihat Bersama MySihat dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Objektif utama pelaksanaan

program ini adalah untuk membudayakan amalan bersenam di samping melahirkan masyarakat Malaysia yang aktif. Tenaga instruktur yang diiktiraf oleh KBS dilibatkan sepenuhnya dan dipantau bersama oleh MySihat dan KBS. Penglibatan tenaga instruktur diberikan perhatian yang serius memandangkan mereka bertindak sebagai ejen promosi kesihatan kepada masyarakat dengan khidmat yang disumbangkan diberikan bayaran elaun secara terus kepada individu tersebut.

MySihat merealisasikan konsep perkongsian pintar adalah melalui usaha sama melaksanakan program dengan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan melalui kebudayaan. Objektif program usaha sama ini dijalankan adalah untuk menggabungkan ilmu, pengalaman dan kemahiran yang dimiliki oleh JKKN dan MySihat agar dapat di aplikasikan, di mana yang sesuai mengikut kehendak dan keperluan MySihat.

Selain daripada itu, MySihat juga memberi pendekatan kepada perkongsian pintar dengan sektor korporat. Sunway Group merupakan salah satu contoh, di mana MySihat berkolaborasi membentuk *Sunway City Smoke Free* dan memperkenalkan konsep *Health Promoting Mall* di Sunway Pyramid.

MySihat juga memainkan peranan aktif di persada antarabangsa. Ia selaras dengan Akta Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (Akta 651) yang menyatakan fungsi lembaga adalah untuk berhubung, membantu dan bekerjasama dengan pertubuhan antarabangsa lain yang mempunyai misi dan objektif yang seumpama untuk bantuan bersama

dan pembangunan di samping memperluas pembangunan dan kemajuan promosi kesihatan dunia.

MySihat telah banyak membuat pembentangan berkaitan program dan aktiviti promosi kesihatan dalam kalangan komuniti Malaysia melalui persidangan, forum dan seminar antarabangsa. Hasil daripada pembentangan tersebut, MySihat kerap dikunjungi oleh organisasi-organisasi untuk mempelajari amalan terbaik (*best practice*) program promosi kesihatan oleh MySihat.

MySihat juga telah diberi penghormatan dalam gabungan 2 organisasi antarabangsa apabila dilantik sebagai :

1. bendahari dan ahli penuh kepada *International Network of Health Promotion Foundation (INHPF)*
2. pengarah kepada Lembaga Eksekutif kepada *Asian Pasific Child and Family Health Alliance (CFTC)*
3. *partner for asian focal point tobacco control* oleh *Association of South East Asian Nation (ASEAN)*

World Health Organization (WHO) bekerjasama rapat dengan MySihat dengan menyokong dan membantu program promosi kesihatan. WHO juga telah memberi mandat kepada MySihat untuk melaksanakan *The Blue Ribbon Campaign*. WHO sering mengundang MySihat untuk membantu negara-negara lain menubuhkan organisasi atau badan seperti MySihat.

Kini nama MySihat tidak asing lagi dalam bidang promosi kesihatan di peringkat antarabangsa khususnya di rantau Asia Pasifik.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad
[Shah Alam]**

TARIKH : **7.4.2014**

SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan sekolah di Selangor:-

- (a) Sekolah Kebangsaan Puncak Perdana U10; dan
- (b) Sekolah Menengah Taman Bukit Subang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan pembinaan sekolah-sekolah memenuhi keperluan setempat. KPM juga akan memantau menerusi saluran Jabatan Pendidikan Negeri dan aduan atau permintaan daripada mana-mana pihak termasuklah ibu bapa dan juga masyarakat setempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status pembinaan bagi projek Sekolah Kebangsaan Puncak Perdana ialah sebanyak 30.45 peratus. Berhubung dengan isu pembinaan Sekolah Menengah Taman Bukit Subang, KPM belum menerima permohonan berkaitan perkara tersebut. KPM akan meneliti perkara ini dengan lebih lanjut dan akan memasukkannya ke dalam permohonan Rolling Plan akan datang sekiranya terdapat justifikasi yang kukuh.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN
BIN ABD HAMID (B) [LUMUT]**

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

SOALAN : 57

**Laksamana Pertama (B) Mohamad Imran bin Abd Hamid[Lumut]minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakankedudukan Jeti Sungai Pinang
Kecil dan Jeti Pulau Mentagor di Pulau Pangkor yang dilihat seperti projek
Gajah Putih dan siapa yang wajar dipertanggungjawabkan atas kegagalan
projek ini dan apakah tindakan lanjut yang akan diambil.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jeti Sungai Pinang Kecil yang lama adalah jeti penumpang milik Kerajaan Negeri Perak yang terletak di Kampung Sungai Pinang, Pangkor, Lumut. Lokasi jeti yang lama ini dipenuhi dengan penempatan dan perniagaan berkaitan industri nelayan dan berdekatan dengan jeti-jeti bagi bot nelayan merapat. Binaan jeti yang kecil dan diperbuat daripada kayu juga mengakibatkan hanya satu feri sahaja yang dapat merapat pada satu-satu masa. Ini menyukarkan pengusaha dan penumpang feri di mana feri dari Jeti Lumut dan Jeti Pangkor biasanya akan tiba serentak pada satu-satu masa. Jeti yang lama ini juga tidak dilengkapi dengan ruang menunggu.

Oleh yang demikian, Jabatan Laut Malaysia telah membina Jeti Sungai Pinang Kecil yang baru di lokasi yang telah dipersetujui oleh penduduk tempatan iaitu kira-kira 800 meter ke utara jeti yang lama dan berada di kedalaman air yang sesuai. Jeti yang baru ini dilengkapi dengan ruang menunggu dan membolehkan dua feri merapat pada satu-satu masa.

Walau bagaimanapun, setelah jeti ini dibuka kepada awam mulai 1 Mac 2006, jeti tersebut hanya pernah digunakan untuk tempoh masa yang singkat kerana penduduk tempatan mendakwa bahawa kedudukan jeti tersebut agak jauh dari kawasan penempatan mereka (2 kilometer melalui jalan darat).

Bagi maksud mengoptimumkan penggunaan Jeti tersebut, Kerajaan setelah mengambil kira pandangan nelayan-nelayan tempatan telah bersetuju dengan cadangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk menggunakan jeti tersebut sebagai Jeti Pendaratan Ikan dan Perkhidmatan Sokongan Industri Perikanan. Kementerian ini dimaklumkan bahawa LKIM sedang dalam proses untuk mereka bentuk Kompleks Perikanan di tapak jeti tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Jeti di Pulau Mentagor pula merupakan sebuah marina awam yang telah dibangunkan oleh Jabatan Laut Malaysia dalam usaha menggalakkan industri kapal layar di Negara ini. Pulau Mentagor telah dikenal pasti sebagai salah satu destinasi kapal layar di Malaysia.

Marina Pulau Mentagor ini sedang dalam proses diswastakan bagi memastikan ianya lebih berdaya maju dan dapat diuruskan secara komersial.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE
KEEN
(SELAYANG)**

**TARIKH : 07.4.2014
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan punca dan alasan kejadian pencerobohan Lahad Datu dan langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pencerobohan di Lahad Datu pada 12 Februari 2013 oleh sekumpulan penceroboh kononnya bertujuan menuntut Negeri Sabah.

Walau bagaimanapun, pada 23 Oktober 2001, Mahkamah Antarabangsa telah memutuskan bahawa Sabah dan semua kawasan kepulauannya adalah di bawah Persekutuan Malaysia. Penghakiman ini dibuat setelah meneliti kesemua faktor yang berkaitan seperti sejarah, keadaan geografi dan hak penduduk untuk bersama dengan kerajaan yang mereka pilih. Justeru permasalahan wilayah tidak lagi wujud kerana Sabah dengan secara mutlaknya menjadi sebahagian dari negara Malaysia dan segala pentadbiran negeri sudah termaktub di dalam Persekutuan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Di dalam mengukuhkan keselamatan dan kedaulatan negara, kerajaan telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- i. menubuhkan kawasan keselamatan khas di pantai timur Sabah atau dikenali sebagai *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) pada 7 Mac 2013 yang berpusat di Lahad Datu dan melibatkan 10 daerah iaitu dari Kudat hingga ke Tawau bagi mengawal selia kawasan persisiran pantai yang melibatkan pelbagai agensi penguatkuasa yang lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (AAPMM) dan Jabatan Imigresen Malaysia di sepanjang persisiran pantai 1,400 km;
- ii. mengambil langkah-langkah memperkukuhkan kawalan dan penguatkuasaan keselamatan di kawasan daratan dan sempadan maritim melalui rondaan, peningkatan risikan *Intelligence, Surveillance dan Reconnaissance* (ISR) (*dengan izin*);

- iii. menunjukkan kehadiran (*show of presence*) melibatkan aset-aset ATM di persisir pantai dan perairan Timur Sabah; dan
- iv. melaksanakan konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) yang menekankan bahawa tanggungjawab keselamatan negara tidak hanya dipikul oleh pasukan keselamatan tetapi juga adalah merupakan tanggungjawab bersama di mana masyarakat boleh menjadi 'mata dan telinga' pasukan keselamatan. Pendekatan ini memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan semua rakyat serta meningkatkan kerjasama keselamatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]
TARIKH : 07.04.2014 (ISNIN)

PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah penerimaan rakyat terhadap kenaikan harga barang dan apakah langkah Kementerian untuk memberi pendedahan lebih awal terhadap isu-isu kenaikan kos sara hidup untuk masa-masa akan datang supaya rakyat lebih bersedia dan lebih faham sebab krisis kenaikan yang tidak akan dijangka kelak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah menjalankan pelbagai program pendidikan kepenggunaan mengikut kumpulan sasaran yang terdiri daripada pra sekolah, pelajar, belia, wanita, penjawat awam dan pengguna secara umum dan berterusan. Antara skop pendidikan yang telah diberikan kepada pengguna adalah:

i) Kempen Pengguna Bijak dan Pendidikan Kepenggunaan

Konsep pengguna bijak diwujudkan untuk melahirkan masyarakat pengguna bijak, bermaklumat, proaktif dan bertanggung jawab. Kempen ini juga bertujuan untuk meningkatkan amalan penggunaan lestari dalam kehidupan seharian, bagi menjamin kesejahteraan dan kebajikan pengguna dalam era globalisasi. Penggunaan lestari menggalakkan pengguna mempunyai maklumat, bijak membuat pilihan, membuat keputusan yang tepat dan berbelanja secara berhemah.

Kementerian juga memberi pendidikan dan maklumat berkaitan implikasi negatif budaya berhutang, kesan terhadap budaya membeli-belah dan makan luar, anti pembaziran, meningkatkan kesedaran dalam aspek berjimat cermat, mengamalkan budaya mengutamakan keperluan berbanding kehendak, mendidik pengguna untuk membuat keputusan tepat dan pendidikan yang dapat memberi kesedaran serta perubahan gaya hidup pengguna.

ii) **Pelan Pemerkasaan Pendidikan Pengguna**

Pelan Pemerkasaan Pendidikan Pengguna 2014 – 2019 telah diperkenalkan selaras dengan keputusan Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup Rakyat yang bermesyuarat pada 5 Februari 2014. Dalam mesyuarat tersebut, peruntukan sebanyak RM 24.57 juta telah diluluskan bagi melaksanakan pelan ini bagi tempoh 5 tahun. Matlamat pelan berkenaan adalah untuk **meningkatkan perlindungan sendiri pengguna** selari dengan sasaran yang ingin dicapai di dalam **Pelan Induk Pengguna 2020**.

iii) **Medium Penyebaran Maklumat**

Selain itu, Kementerian juga melaksanakan sebaran maklumat melalui pelbagai medium termasuk media cetak, media elektronik, temubual di radio, media baru seperti facebook, twitter, portal 1pengguna.com, selain program turun padang yang telah sedia ada dilaksanakan. Selain itu, portal **www.1pengguna.com** menyediakan aplikasi *price watch* yang membolehkan pengguna menyemak senarai harga barang keperluan harian di kawasan masing-masing. Maklumat *price watch* dipaparkan di akhbar-akhbar utama sebagai rujukan mudah pengguna.

iv) Kerjasama dengan NGO

Pada masa ini Kementerian melaksanakan kerjasama dengan Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Kepenggunaan dan NGO Bukan Kepenggunaan untuk menyebarkan maklumat dan pendidikan kepenggunaan kepada masyarakat. NGO turut bersama-sama dengan Kerajaan untuk memberikan **penjelasan kepada rakyat mengenai fakta-fakta sebenar mengenai isu kenaikan kos sara hidup.**

v) Kerjasama Dengan Kementerian dan Agensi Kerajaan Lain

Kementerian juga menyokong kempen-kempen yang dilaksanakan oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan lain seperti:

- a) Kempen Pemakanan Sihat - Kementerian Kesihatan Malaysia;
- b) Kempen Bumi Hijau - Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani;
- c) Kempen 3R dan kurangkan penggunaan beg plastik - Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air; dan
- d) Pengurusan Kewangan Bijak - Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Kementerian berharap melalui program-program yang telah dilaksanakan ini dapat memberi kesedaran dan meningkatkan ilmu kepenggunaan agar masyarakat lebih bersedia dan faham mengenai situasi semasa pasaran.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]

TARIKH : 7.4.2014

SOALAN :

Y.B. Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah mengatasi masalah kekurangan asrama bagi Universiti Teknologi Tun Hussin Onn (UTHM) di Parit Raja Johor memandangkan pengambilan pelajar UTHM untuk bidang kejuruteraan kian meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menampung pertambahan bilangan pelajar baharu yang sedia ada dan akan datang, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah jangka panjang dengan membuat perancangan untuk membangunkan asrama baharu di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan kapasiti 5,000 pelajar di bawah kaedah Inisiatif Pembiayaan Swasta (*Private Finance Initiative*).

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Ust. Dato' Dr. Mohd.
Khairuddin bin Aman Razali
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 07.04.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 61

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan faktor pendesak FELCRA
menceburi bidang hartanah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Tuan Yang Dipertua, faktor pendesak FELCRA Berhad menceburi bidang hartanah adalah kerana FELCRA Berhad menyedari pergantungan hanya kepada sektor pertanian sahaja mendedahkan syarikat kepada risiko yang amat tinggi kerana ketidakstabilan harga komoditi kelapa sawit dan getah di pasaran.

Oleh yang demikian, FELCRA Berhad telah merangka dua (2) strategi pelan perniagaan untuk mengukuhkan, memperbesarkan aktiviti sedia ada selain mempelbagaikan aktiviti-aktiviti perniagaan Syarikat. Dengan menceburi sektor hartanah, ia dijangka dapat memberi pulangan yang lebih tinggi kerana FELCRA Berhad mempunyai beberapa aset tanah milik yang strategik di beberapa lokasi di seluruh negara untuk tujuan tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]
TARIKH : 7.4.2014
SOALAN :

Y.B. Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah graduan tempatan yang mengambil kursus TESL dan TESOL di universiti luar negara dan dalam negara pada tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah graduan TESL dan TESOL dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) pada tahun 2010 sehingga tahun 2013 adalah sebanyak 5,341 orang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,931 orang adalah dari IPTA dan 2,410 orang dari IPTS.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

**TARIKH JAWAPAN : 7 APRIL 2014 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan rasional kenaikan tarif elektrik sedangkan Tenaga Nasional Berhad dilaporkan mendapat keuntungan bersih RM 4.61 bilion bagi tahun kewangan 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sepertimana yang diputuskan oleh Kerajaan, sebahagian besar penyelarasan purata tarif elektrik di Semenanjung yang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014 iaitu sebanyak 4.09sen/kWj atau 81.96% daripada kenaikan keseluruhan sebanyak 4.99sen/kWj adalah disebabkan kenaikan harga bahan api iaitu gas, arang batu dan penggunaan gas asli cecair (LNG) yang diimport. Sebarang perubahan harga bahan api sudah tentu akan memberi kesan yang signifikan kepada kos membekalkan elektrik.

2. Komponen semakan yang melibatkan tariff asas atau "*Base Tariff*" pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah 18% atau 0.90sen/kWj daripada kenaikan keseluruhan. Semakan tarif asas TNB disemak setiap 4 tahun bagi memastikan pihak utiliti memperolehi pulangan yang munasabah agar dapat terus membekalkan elektrik yang berdaya harap.

3. Tidak dinafikan bahawa pihak TNB memperolehi keuntungan bersih bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Ogos 2013

sebanyak RM 4.12bilion. Namun begitu, jumlah tersebut tidak mencukupi untuk menampung kos pelaburan bagi membiayai projek-projek penjanaan yang baru serta projek-projek penghantaran dan pengagihan yang dianggarkan sekitar RM 6 - 7 bilion.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.04.2014

Y.B. TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan bila akaun kewangan 1MDB yang berakhir Mac 2013 akan diterbitkan. Jika juruaudit bebas yang digunakan oleh 1MDB telah bertukar, dan siapakah juruaudit bebas yang digunakan oleh 1MDB sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, 1MDB dijangka akan memfailkan

akaun yang diaudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2013 mengikut tempoh pelanjutan yang telah dibenarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia iaitu sehingga 31 Mac 2014. Penyata akaun ini akan mengambil kira penyatuan (*consolidation*) akaun beberapa buah anak syarikat yang baru dengan aset yang besar di seluruh dunia ke dalam Kumpulan 1MDB.

Deloitte Touche telah dilantik sebagai juruaudit baru untuk menggantikan KPMG selaras dengan amalan terbaik pasaran selepas mempertimbangkan semua aspek pertimbangan yang lain.

Seperti mana diketahui umum, Deloitte Touche adalah salah sebuah syarikat audit antarabangsa di dalam kumpulan firma audit *Big Four*. Deloitte Touche mengguna pakai piawaian pengauditan ketat selaras dengan amalan audit antarabangsa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

SOALAN : 65

Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status pemasangan alat pemancar di menara-menara telekomunikasi di kawasan Hulu Rajang dan apakah faktor yang menyumbang kepada kelewatan tugas pemasangan alat-alat pemancar ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 203 menara telah dirancang di negeri Sarawak. Daripada jumlah ini, sebanyak 9 menara telah dirancang pelaksanaannya di Parlimen Hulu Rajang.

Sehingga Januari 2014, sebanyak 3 menara telah beroperasi dengan perkhidmatan 2G oleh Celcom. Manakala selebihnya masih dalam peringkat pemasangan peralatan elektronik dan penyediaan genset sebagai pembekal tenaga. Kini, semua menara ini di peringkat akhir pemasangan dan dijangka akan beroperasi menjelang akhir bulan Mac 2014.

SOALAN NO: 65

Kelewatan pemasangan peralatan elektronik ini adalah kerana SKMM menggunakan pendekatan terbaru iaitu perkongsian peralatan elektronik dimana ianya dapat dikongsi oleh beberapa pemberi perkhidmatan selular bagi satu kawasan liputan. Ianya mengambil masa bagi memastikan pendekatan ini berjaya dengan kualiti yang ditetapkan dimana pengujian bersama pemberi perkhidmatan selular adalah di peringkat akhir.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
[PENGERANG]**

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

SOALAN :

**Dato' Sri Azalina binti Othman Said [Pengerang] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan:**

- (a) tempoh minima seseorang pesalah muda dikehendaki menjalani Program Perintah Khidmat Masyarakat; dan
- (b) apa yang akan berlaku sekiranya seseorang pesalah muda masih belajar ketika menjalani Program Perintah Khidmat Masyarakat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) merupakan perintah yang dikenakan ke atas Pesalah Muda di bawah Perenggan 293(1)(e) Kanun Tatacara Jenayah yang merupakan hukuman alternatif menggantikan hukuman pemenjaraan. Pesalah Muda ditafsir menurut Seksyen 2 Kanun Tatacara Jenayah sebagai mereka yang berumur antara 18 tahun hingga 21 tahun.

Tidak ada tempoh minimum bagi seseorang Pesalah Muda menjalani Program Perintah Khidmat Masyarakat. Subperenggan 293(1)(e)(i) Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan jumlah jam maksimum adalah tidak melebihi 240 jam agregat. Dalam hal ini, tempoh untuk melaksanakan Program Perintah Khidmat Masyarakat ditentukan oleh mahkamah.

- (b) Sekiranya seseorang Pesalah Muda masih belajar ketika menjalani Program Perintah Khidmat Masyarakat, pelaksanaan program tersebut akan dijalankan pada hujung minggu dan hari-hari cuti pengajian atau cuti sekolah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
(BINTULU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 07.04.2014

Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan:-

(a) apakah jenis insurans dengan premium RM50 yang dimanfaatkan kepada rakyat yang layak menerima BR1M 3.0; dan

(b) adakah insurans ini berbentuk insurans hayat, insurans pihak ketiga atau kad kesihatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meneruskan sekali lagi Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M 2014) pada tahun 2014 sebagai usaha untuk membantu meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar. Pada BR1M 2014, beberapa kriteria telah ditambah baik merangkumi peningkatan nilai bantuan, penambahan kategori dan juga pengenalan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M). Kriteria bagi program BR1M 2014 telah ditambah baik adalah seperti berikut:

- 1) bagi kategori isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah, nilai bantuan ditingkatkan daripada **RM500 kepada RM650**.
- 2) sebagai tambahan, kategori bantuan juga **diperluaskan** kepada isi rumah berpendapatan bulanan di antara **RM3,001 hingga RM4,000 dengan nilai bantuan RM450**.
- 3) memperkenalkan **caruman i-BR1M** bernilai RM50 **kepada** penerima **isi rumah** BR1M dengan nilai **perlindungan maksimum sehingga RM30,000** sekiranya berlaku **kematian atau**

hilang upaya kekal menyeluruh.

i) Tempoh perlindungan i-BR1M adalah bermula dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014; dan

ii) Perlindungan takaful diberi kepada penerima isi rumah sahaja;

4) **warga emas sebatang kara** (berumur 60 tahun dan ke atas) menerima kenaikan jumlah BR1M iaitu daripada **RM500 kepada RM650** bagi yang berpendapatan dibawah RM3,000 dan turut menerima bantuan BR1M RM450 bagi yang berpendapatan antara RM3,001 hingga RM4,000.

5) bagi kategori **bujang** berumur 21 tahun dan ke atas berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah, bantuan ditingkatkan daripada **RM250 kepada RM300**.

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat tiga peringkat pelaksanaan BR1M iaitu peringkat pertama, pengedaran borang BR1M dan pendaftaran, peringkat kedua, proses semakan dan verifikasi serta peringkat ketiga, pengagihan BR1M. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah bermula pada 23

Disember 2013 hingga 31 Januari 2014. Penerima BR1M sedia ada tidak perlu membuat pendaftaran baru tetapi hanya perlu mengemaskini maklumat peribadi sekiranya terdapat sebarang perubahan. Pendaftaran dan pengemaskinian boleh dibuat secara atas talian melalui laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta boleh dibuat secara manual iaitu dengan mengisi borang di pejabat LHDN, pejabat daerah dan pejabat pembangunan negeri. Semua rakyat Malaysia layak untuk memohon bantuan BR1M walaupun mereka juga adalah penerima bantuan sedia ada seperti penerima bantuan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), e-Kasih dan juga masyarakat Orang Asli yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Proses semakan dan verifikasi permohonan dilakukan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bermula 1 Februari 2014. Proses verifikasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, LHDNM, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Kesemua proses verifikasi ini dilakukan bagi memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan BR1M 2014.

Pengagihan bantuan BR1M 2014 terbahagi kepada dua kaedah iaitu penyaluran terus ke akaun bank bagi yang mengemukakan maklumat bank manakala bagi yang tidak mengemukakan maklumat akaun bank, pengagihan dibuat secara serahan baucar di majlis penyampaian BR1M. Bagi yang mengemukakan maklumat bank, penyaluran terus ke akaun bank telah dibuat mulai 21 Februari 2014 dan selesai pada 25 Februari 2014. Pengagihan secara baucar pula bermula pada 23 Februari dan dibuat secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2012, penerima BR1M 2012 adalah seramai 4.2 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion, manakala penerima BR1M 2.0 adalah seramai 6.8 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM3 bilion. Bagi tahun 2014, BR1M 2014 dijangka akan memanfaatkan hampir 7.9 juta penerima dengan anggaran peruntukan sebanyak RM4.5 bilion. Sehingga 3 Mac 2014, sebanyak 8.1 juta permohonan telah diterima di mana sebanyak 6 juta permohonan telah diluluskan melibatkan

peruntukan sebanyak RM3 bilion manakala baki 2.1 juta permohonan masih sedang diproses. Daripada jumlah yang diluluskan, seramai 3.8 juta adalah penerima isi rumah manakala baki 2.2 juta adalah penerima individu bujang.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM5.4 bilion untuk keseluruhan bantuan tunai merangkumi BR1M, Bantuan Persekolahan dan Baucar Buku 1Malaysia bagi tahun 2014. Manakala hasil daripada pengurangan subsidi bahan api sebanyak RM0.20 pada bulan Sept 2013 dan pengurangan subsidi gula sebanyak RM0.34 pada bulan Oktober 2013, Kerajaan dapat penjimatan sebanyak RM4.9 bilion pada tahun 2014. Kerajaan berupaya menyalurkan bantuan tunai melebihi anggaran penjimatan subsidi bahan api dan gula hasil daripada pengurusan kewangan yang baik dan dapat memastikan defisit fiskal terus berkurang.

Untuk makluman juga, pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah dan

mengimbangi kenaikan harga barangan. Bantuan ini telah dapat meringankan beban rakyat dalam membantu mereka membeli barangan keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain. Disamping itu, terdapat penerima yang menggunakan bantuan tersebut sebagai modal bagi menjalankan perniagaan kecil-kecilan bagi pembelian perkakasan seperti peralatan memasak, membuat kuih dan pertukangan yang secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Tuan Yang Dipertua,

Bantuan BR1M yang diberikan adalah secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Malah, mereka yang telah menerima bantuan kebajikan sedia ada juga di beri bantuan BR1M. Kejayaan program BR1M adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY
BIN JUSOH [SETIU]
TARIKH : 07.04.2014 (ISNIN)

TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH (SETIU) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah kerajaan dalam pembangunan industri francais tempatan melalui Perbadanan Nasional Bhd (PNS) bagi menggalakkan generasi muda khususnya kalangan siswazah menjalankan perniagaan francais dalam pelbagai faktor perniagaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Perbadanan Nasional Berhad (PNS) telah melaksanakan beberapa program yang mensasarkan generasi muda termasuklah golongan siswazah. Di antara Program yang di laksanakan adalah :-

Program Kesedaran Francais di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) termasuk Kolej Vokasional dan Kolej Komuniti. Program ini adalah memberikan pendedahan kepada pelajar berkaitan Keusahawanan Francais juga menggalakkan pelajar memilih keusahawanan francais sebagai kerjaya pilihan. Sehingga kini Program kesedaran telah dijalankan di 34 buah IPT dengan melibatkan sejumlah 16,000 orang pelajar pada tahun 2013.

Untuk mencapai kesinambungan bagi Program Kesedaran Francais di IPT, PNS juga kini melaksanakan **Program Penempatan Pelatih Industri Francais** dengan membuka jalan kepada para siswazah untuk memulakan kerjaya di bidang francais atau memiliki perniagaan francais. Siswazah yang telah tamat kursus boleh memohon kepada PNS dan Francaisor yang terlibat di dalam program ini untuk bekerja sambil menjalani latihan industri francais di Akademi PNS dan di outlet francaisor yang terlibat di dalam Program ini. Pelatih Industri Francais akan dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan dan seterusnya di beri pilihan untuk terus bekerja atau menjadi usahawan francais selepas tamat kontrak pekerjaan.

Selain dari itu Program "*Business in Transformation*" atau BIT juga mengenalpasti peniaga kecil dan penjaja untuk dijadikan francais yang sesuai diusahakan oleh generasi muda dengan pakej pembiayaan mikro francais daripada PNS dan boleh dimulakan dengan modal yang kecil. Sejak Program dimulakan pada tahun 2013 sejumlah 10 perniagaan jenama tempatan dibangunkan di bawah model francais di mana sebanyak 60 peratus yang terlibat adalah dari golongan muda.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN LIM GUAN ENG

TARIKH: 7 APRIL 2014

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan impak pelaksanaan kadar gaji minima dan berapa ramai pekerja asing yang menerima kenaikan gaji berbanding dengan pekerja tempatan dan jumlah kenaikan setahun. Nyatakan kos kepada majikan dengan pecahan ikut negeri dan saiz (IKS sebagainya)

PR-1321-L59538

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) telah menjalankan Kajian Impak Awal Pelaksanaan Gaji Minimum pada pertengahan tahun 2013, Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2012 akan dibuat pada pertengahan tahun 2014 dan bagi tujuan ini kajian impak pelaksanaan gaji minimum akan dibuat dengan pihak industri/majikan dan pekerja.

Hasil kajian akan dibentangkan dalam mesyuarat MPGN bagi tujuan penerusan pelaksanaan dasar gaji minimum ini.

2. Berdasarkan Kajian Guna Tenaga Kebangsaan tahun 2009 adalah dianggarkan kira-kira 40% atau 3.12 juta daripada 7.8 juta pekerja sektor swasta di negara ini akan mendapat manfaat pelaksanaan gaji minimum secara langsung. Daripada 7.8 juta pekerja sektor swasta, 19% atau 1.5 juta terdiri daripada pekerja asing kurang mahir.

3. Dalam pada itu, berhubung dengan nilai keseluruhan peningkatan dalam pembayaran upah, berasaskan kepada Kajian Impak Awal Gaji Minimum 2013, secara keseluruhan, purata kos buruh meningkat sebanyak 14 peratus apabila gaji minimum dilaksanakan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. Dato' Hasbullah bin Osman
[GERIK]**

TARIKH : 07.04.2014 (ISNIN)

NO. SOALAN : 70

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan setakat manakah pencapaian menaik taraf infrastruktur luar bandar terutama kawasan orang Asli di Semenanjung dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dikemukakan status pencapaian Program Infrastruktur Asas Luar Bandar (NKRA RBI) di bawah Program Transformasi Luar Bandar (GTP) sehingga **31 Disember 2013** bagi kawasan Orang Asli.

Bagi **Program Jalan Luar Bandar (JALB)**, sepanjang **62.18 km jalan telah siap dibina** dan telah memberi manfaat kepada hampir **9,710** orang penduduk orang Asli.

Bagi **Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB)** pula, sebanyak **7,552 buah rumah** telah menerima bekalan air bersih/terawat. Ini telah memberi manfaat kepada **37,760** orang penduduk di kawasan orang Asli.

Bagi **Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)** pula, sebanyak **3,315 buah rumah** telah menerima bekalan elektrik 24 jam. Ini telah memberi

manfaat kepada **16,575** orang penduduk di kawasan orang Asli.

Seterusnya di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) **pula** sebanyak 1,264 buah rumah **telah berjaya dibina baru/dibaik pulih. Ini telah memberi manfaat kepada 6,320 orang penduduk orang Asli.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]
TARIKH : 7.04.2014 (ISNIN)

DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah ketirisan terhadap barangan bersubsidi seperti minyak diesel, petrol, LPG dan lain-lain serta usaha untuk mengatasinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian memandang serius akan isu ketirisan barangan bersubsidi kerana akan menjejaskan objektif pemberian subsidi kepada kumpulan sasaran.

Hasil daripada tindakan penguatkuasaan pada tahun 2013 sehingga Februari 2014, jumlah tindakan kes nilai rampasan barangan subsidi dan anggaran purata subsidi adalah seperti berikut:

Barangan	2013		2014(Jan-Feb)		Anggaran purata subsidi (RM)
	Jumlah Kes	Nilai Rampasan (RM)	Jumlah Kes	Nilai Rampasan (RM)	
Diesel	381	6,944,195	38	570,344	3,005,816
Petrol	201	1,112,873	21	283,741	432,285
LPG	56	1,198,003	21	24,788	91,253
Minyak Masak	22	54,654	2	1,278	22,379
Gula	17	236,120	0	0	28,268
Tepung Gandum	9	12,831	1	189	6,848
Jumlah	686	9,558,676	83	880,339	3,586,849

Dengan tindakan ini, **anggaran nilai subsidi sebanyak RM 3,586,849 dapat dihalang keluar ke negara jiran.**

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menangani ketirisan barangan bersubsidi adalah seperti berikut:

- i) Mewartakan gula, tepung gandum, minyak diesel, petrol RON 95 dan gas petroleum cecair sebagai barangan Larangan Eksport dibawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011 yang berkuatkuasa mulai tahun 2011;
- ii) Menetapkan kuota jualan minyak diesel di stesen-stesen minyak. Permohonan tambahan kuota diesel oleh mana-mana syarikat minyak akan dikaji dari semasa ke semasa;
- iii) Mengeluarkan arahan kepada semua stesen minyak jualan diesel hanya untuk tangki kenderaan sahaja tanpa melalui bekas atau tong kecuali atas kebenaran Pengawal iaitu melalui Permit Barang Kawalan. Manakala di stesen minyak dalam lingkungan 50 kilometer dari sempadan hanya 20 liter dibenarkan dijual kepada kenderaan asing. Notis larangan juga dipamer di semua stesen minyak seluruh negara dan pemilik stesen diwajibkan mematuhi arahan ini;
- iv) Mengadakan kerjasama sempadan dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Pasukan Gerakan AM (PGA), Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM); dan

- v) Membuat naziran dan audit berkala ke premis-premis yang berurusanniaga barangan bersubsidi bagi memastikan tiada penyelewengan berlaku dan sekiranya ada melakukan kesalahan boleh diambil di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE 13 – DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN
NARRASHID
[KOTA TINGGI]

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

NO SOALAN : NOMBOR ~~70~~ 72

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan keharmonian dan perpaduan antara kaum akan tercapai walaupun masih belum mencapai tahap yang maksimum. Adakah Kerajaan bercadang memperkasakan agensi yang bertanggungjawab dan berperanan dalam membentuk perpaduan antara kaum supaya rakyat menerapkan perpaduan sebagai satu tanggungjawab.

Tan Sri Yang Dipertua,

1. Walaupun negara kita adalah lebih aman dan damai berbanding dengan kebanyakan negara-negara majmuk yang lain, tetapi perbezaan dari segi kepelbagaian agama, budaya dan bahasa kadang-kala mencetuskan perselisihan serta sentimen agama dan perkauman yang berpotensi menjejaskan ketenteraman dan kestabilan masyarakat, sekiranya tidak diuruskan dan ditangani dengan baik.

2. Oleh itu, sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara selama 55 tahun kebelakangan ini, pucuk pimpinan negara memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman dan keharmonian, mengurangkan pelbagai jurang antara kaum dan agama serta meredakan dan menyelesaikan sengketa yang timbul.

3. Langkah-langkah yang telah dan akan terus diambil dalam memastikan keharmonian dan perpaduan antara kaum tercapai adalah seperti yang dirumuskan berikut :
 - a) Pertama, penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara atau MKPN dijadikan landasan untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia, bagi merintis jalan ke arah mencari penyelesaian, mengatasi polarisasi kaum dan pemupukan keharmonian antara agama serta pembentukan dasar sosial yang inklusif dalam menentukan kesejahteraan rakyat. Ia menumpukan kepada beberapa bidang seperti perundangan dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian negara, membina bangsa dan persefahaman silang budaya, pembangunan inklusif, belia dan perpaduan serta integrasi nasional. Komposisi MKPN juga ada melibatkan mereka yang tidak bersama Kerajaan atau mempunyai pendirian politik yang berbeza. Terdapat tiga pendekatan konsultasi dan *engagement* yang dijalankan antaranya ialah dengan mengadakan Dialog Perpaduan di seluruh negara, mengadakan Perbincangan Meja Bulat (*Round Table Discussion – RTD*), dan mengadakan pertemuan tertutup dengan kumpulan-kumpulan berkepentingan (*interest group*). Pandangan, cadangan serta syor-syor yang diperoleh dari *engagement* ini akan dijadikan asas untuk menggubal pelan tindakan perpaduan yang lebih inklusif dan komprehensif. Usaha-usaha ini sedang berjalan dan adalah dijangka pelan tindakan ini dapat diselesaikan dalam bulan Jun atau Julai tahun ini.

- b) **Kedua**, sentiasa memegang teguh terhadap semangat, segala prinsip dan peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang. Asas kenegaraan ini dijadikan sebagai rujukan untuk penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dalam pelbagai bidang ekonomi, sosial dan pendidikan serta diguna pakai sebagai rujukan untuk penyelesaian sengketa melalui perundingan dan musyawarah secara jujur dengan hati yang terbuka.

- c) **Ketiga**, memperkenalkan dan melancarkan kempen pembaharuan dari masa ke semasa untuk memberi fokus, sasaran dan dorongan kepada rakyat dalam proses pembinaan negara yang berterusan, seperti Wawasan 2020 pada tahun 1991 dan Gagasan 1Malaysia mulai tahun 2009. Sememangnya, gagasan 1Malaysia mengutamakan 'perpaduan dalam kepelbagaian' supaya rakyat bukan sahaja bertoleransi, tetapi menerima bahkan menghormati dan meraikan kepelbagaian budaya dan agama sebagai teras perpaduan bersama dengan konsep keadilan sosial. Gagasan 1Malaysia juga menegaskan penerapan empat nilai murni dan lapan nilai aspirasi untuk dihayati dan diamalkan oleh rakyat.

- d) **Keempat**, melaksanakan semua dasar dan program untuk rakyat dan kumpulan-kumpulan sasaran secara adil dan seimbang supaya dapat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dan golongan dalam semua bidang secara berkesan dan bermakna. Daripada masa ke semasa, Kerajaan mengkaji semula keberkesanan pelaksanaan dan bersedia menggubal dan meminda undang-undang, peraturan dan garis panduan yang sedia ada supaya dapat mengatasi cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang timbul, selaras dengan arus perubahan zaman.

- e) **Kelima**, menggalakkan interaksi, integrasi dan persefahaman antara kaum di tempat kerja, tempat belajar, tempat kediaman dan dalam pelbagai aktiviti sosial melalui program-program konkrit seperti Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dalam kawasan-kawasan perumahan di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan

Integrasi Nasional (JPNIN), Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) antara sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) untuk remaja, serta pelbagai program interaksi untuk belia dan kaum wanita. Galakan dan sokongan juga diberi kepada syarikat-syarikat swasta dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk memainkan peranan yang positif dan membina dalam menganjurkan interaksi antara etnik.

- f) Keenam, mewujudkan saluran dan mekanisme formal atau tidak formal di beberapa peringkat untuk menggalakkan wakil dari badan-badan kebudayaan dan agama untuk berhubung, bertukar fikiran dan mencapai persefahaman yang lebih mendalam dan kukuh supaya dapat menangani bersama secara berkesan isu-isu yang mungkin timbul. Pada masa yang sama, JPNIN sedang melaksanakan program untuk meningkatkan keupayaan berkomunikasi dan berunding serta kemahiran mediasi di kalangan pemimpin masyarakat supaya mereka sanggup menenteramkan keadaan dan menyelesaikan sengketa, sekiranya timbul.
- g) Ketujuh, berusaha meyakinkan semua pemimpin politik, pemimpin masyarakat dan anggota media massa supaya mengelakkan kecenderungan untuk mempolitikkan dan mempolarisasikan isu-isu berkaitan dengan agama dan etnik, tetapi di sebaliknya, sentiasa mengambil sikap yang positif dan membina, dengan penuh rendah hati serta mengamalkan pendekatan yang inklusif dalam sebarang usaha mengendali dan menguruskan isu-isu berkaitan hubungan antara agama dan etnik. Pada masa yang sama, Kerajaan bersedia untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menjejaskan kesensitifan dan keamanan, jikalau didapati perlu.

Tan Sri Yang Dipertua,

4. Kerajaan menyedari bahawa perpaduan itu amat penting dan usaha-usaha untuk memperkasakan jentera perpaduan di dalam JPNIN amat wajar

dilakukan dan ia merupakan langkah terbaik ke arah memelihara dan memperkukuhkan perpaduan di peringkat akar umbi. Beberapa tindakan yang telah di ambil oleh JPNIN ialah :

- a) Mengemukakan cadangan penyusunan semula organisasi di peringkat ini dengan mencadangkan penempatan pegawai gred yang lebih tinggi dari yang ada sekarang.
 - b) Mencadangkan penambahan bilangan pegawai dari kumpulan sokongan.
 - c) Memberi latihan kepada pegawai-pegawai tentang aspek pengurusan perpaduan, risikan, kemahiran berkomunikasi dan mediasi.
 - d) Mewujudkan pejabat perpaduan peringkat daerah yang baru berserta dengan kelengkapan.
 - e) Mencadangkan supaya dilantik Pegawai Penggerak Perpaduan Daerah bagi menyokong jentera yang sedia ada.
5. Segala usaha-usaha ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan ia tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK JOHARI BIN ABDUL
GHANI [TITIWANGSA]**

TARIKH : 7 APRIL 2014

SOALAN :

YB. Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam usaha mempromosikan pelancongan bandar sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi Bandar.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sentiasa mengambil langkah untuk mempromosikan dan mewujudkan pelbagai jenis pakej pelancongan yang dapat menarik pelancong-pelancong ke bandar-bandar di Malaysia bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi masyarakat di bandar serta dapat memberi kesan secara langsung dari segi ekonomi negara serta barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan. Pakej pelancongan yang ditawarkan adalah termasuk pakej '*Seat in Coach*' yang ditawarkan oleh agen-agen pelancongan di seluruh bandar di Malaysia di mana para pelancong ditawarkan pakej lawatan "*City Tour*" ke tempat-tempat menarik di sekitar bandar menggunakan bas atau van persiaran.

Di antara pakej-pakej pelancongan bandar adalah seperti berikut:

1. Pakej pelancongan di Kuala Lumpur dengan menaiki bas "*KL Hop On Hop Off*" untuk pelancong-pelancong. Pakej ini juga diperkenalkan kepada kumpulan Agen Pelancongan dan Media Antarabangsa yang mengikuti program *Mega Fam* bagi memperkenalkan tempat-tempat serta tarikan utama di bandaraya Kuala Lumpur di sepanjang laluananya.

2. Pakej pelancongan di sekitar Putrajaya yang merangkumi lawatan ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan termasuk *Putrajaya Lake River Cruise* yang turut menawarkan pakej makan malam.
3. Pakej pelancongan di Bandaraya Melaka yang merangkumi *Melaka River Cruise* untuk menarik minat para pelancong untuk mengunjungi Melaka Bandaraya Bersejarah disamping menyusuri Sungai Melaka.
4. Pakej pelancongan di Bandar Kuala Terengganu yang melibatkan perkhidmatan Bas Warisan dan Taman Tamadun Islam *River Cruise* bagi menarik minat para pelancong untuk datang ke Negeri Terengganu
5. Pakej pelancongan di Bandaraya Pulau Pinang menyediakan pakej *Pulau Pinang Heritage Trails* dimana pelancong boleh melawat dan menjejaki pelbagai tarikan utama di bandar Pulau Pinang dengan hanya perlu berjalan kaki.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA [BATU]

TARIKH : 07 April 2014

SOALAN : 74

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah keberkesanan sistem demerit untuk menyelesaikan isu pemandu yang tidak mengikut undang-undang jalan raya. Dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu berapa banyak lesen pemandu telah digantung di bawah sistem demerit (Kejara).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Mata Demerit (KEJARA) merupakan satu sistem pemberian mata kepada pemandu-pemandu yang melakukan antara 18 kesalahan lalu lintas sebagaimana yang dijadualkan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Mata Demerit) 1997. Berdasarkan kepada rekod-rekod pembatalan dan penggantungan lesen memandu di bawah sistem ini dari tahun 2005 hingga 2010, adalah didapati hanya 217 lesen memandu telah dibatalkan dan sebanyak 3,618 lesen memandu digantung.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan pelaksanaan KEJARA yang sedia ada, pihak Kementerian mendapati bahawa proses pembatalan dan penggantungan sesuatu lesen memandu di bawah sistem ini adalah mengambil masa yang lama sekiranya pesalah enggan menyerahkan lesen memandu kepada pihak JPJ sama ada untuk dibatalkan atau digantung. Tindakan penggantungan atau pembatalan hanya akan dapat diambil apabila lesen memandu berkenaan tamat tempoh.

Oleh yang demikian, Kementerian ini pada tahun 2011 telah membuat pindaan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 untuk menambahbaik sistem KEJARA bagi membolehkan pihak JPJ membatalkan atau menggantung lesen memandu pesalah di dalam pengkalan data tanpa memerlukan penyerahan lesen memandu secara fizikal. Buat masa ini pihak Kementerian sedang menggubal kaedah bagi melaksanakan

sistem mata demerit baru ini dengan mengambilkira perluasan skop kesalahan dan kapasiti sistem JPJ di bawah mySIKAP.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan sistem KEJARA ini adalah merupakan antara inisiatif Kerajaan untuk menangani pengguna jalan raya yang sering melakukan kesalahan agar sikap mereka yang mengabaikan peraturan lalu lintas dapat diperbetulkan melalui kaedah hukuman dan penguatkuasaan yang bersifat *deterrent*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]

TARIKH : 7 APRIL 2014

SOALAN :

YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah rasional Kerajaan memilih *proboscis monkey* sebagai ikon Tahun Melawat Malaysia 2014.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan memilih *proboscis monkey* sebagai ikon Tahun Melawat Malaysia 2014 kerana ia hanya dapat ditemui di Borneo terutamanya di sekitar Kinabatangan, Sukau, Sandakan dan Klias yang semuanya terletak di negeri Sabah, Malaysia.

Pemilihan maskot yang unik dan mudah untuk dikaitkan dengan Tahun Melawat Malaysia adalah mustahak bagi menarik perhatian pelancong. Kempen-kempen Tahun Melawat Malaysia yang lepas dan Persidangan PATA umpamanya telahpun menggunakan maskot seperti orang utan, penyu dan burung kenyalang untuk mempromosi Malaysia.

Tambahan pula, *proboscis monkey* adalah salah satu haiwan yang terletak dalam senarai merah haiwan terancam *International Union for Conservation of Nature* (IUCN). Justeru itu, penggunaan *proboscis monkey* sebagai maskot Tahun Melawat Malaysia 2014 jelas menunjukkan usaha Kerajaan dalam mengiktiraf hidupan liar sebagai salah satu komponen penting dalam produk pelancongan negara. Ini sekaligus menggalakkan pelancong untuk turut menghargai alam semulajadi negara apabila melawat ke Malaysia.

Selain daripada itu, Malaysia juga akan kelihatan sebagai serius dalam mempromosi inisiatif pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Ini adalah selaras dengan pelancongan bertanggungjawab dan pelancongan hijau.

Sekian, terima kasih.